



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 273]

USUL-USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 296]

Mahkamah Universiti Kebangsaan Malaysia—Wakil Senate [Ruangan
320]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1974) [Ruangan 321]

Rang Undang-undang Acara Kewangan dan Kumpulanwang Pem-
bangunan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 332]

Rang Undang-undang Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan)
[Ruangan 334]

DICETAK OLEH

MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, J.S.M., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMENANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR

1975

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL PERTAMA

Hari Khamis, 9hb Januari, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. Gabriel (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN KAM WOON WAH (Dilantik).

- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., S.M.P., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OOI ENG HONG, S.M.K., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIK HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATUK SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).

- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI,
P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K.,
J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD
(Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO
UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG
(Taiping).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PENUNTUT MALAYSIA DI SEBERANG LAUT

1. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan penuntut-penuntut Malaysia di seberang laut yang sedang menuntut atau menjalani latihan, nama negeri-negeri tersebut dan bilangan penuntut-penuntut dalam tiap-tiap negeri dengan memberi angka pecahan mengikut bidang-bidang latihan atau profesyen seperti perubatan, kejuruteraan, akaun, undang-undang, jururawat, tentera darat, tentera laut, udara dan lain-lain.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, pengumpulan data mengenai bilangan penuntut-penuntut Malaysia di seberang laut mengikut negeri-negeri di mana mereka menuntut dan bilangan penuntut bagi tiap-tiap jurusan sedang diusahakan oleh Kementerian Pelajaran. Oleh itu, tidaklah dapat saya memberikan butir-butir yang diperlukan itu pada masa ini.

Sebagai maklumat kasar, saya suka memaklumkan bahawa bilangan penuntut-penuntut Malaysia yang sedang belajar di luar negeri adalah dalam lingkungan 26,000 orang.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah bermakna seberang laut itu termasuk Jepun, Taiwan dan Hongkong, kerana ijazah-ijazah negara-negara tidak diiktirafkan oleh Kerajaan?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Pada tahun lepas Yang Berhormat Datuk Musa Hitam telah membuat statement di Australia iaitu penuntut-penuntut di sana telah mengelirukan dan

memburukkan Kerajaan kita, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran berhubung dengan penuntut-penuntut itu?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan T. S. Gabriel: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sedar bahawa penuntut-penuntut yang balik daripada institusi-institusi pelajaran tinggi luar negeri tidak berpeluang dapat kerja dalam tanah air kita? Adakah apa-apa rancangan Kementerian pada masa akan datang untuk menolong penuntut-penuntut yang telah mendapat kelulusan tinggi mendapat kerja?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara kerja dengan kelayakan, saya fikir tidak sama.

Datuk Mansor bin Mohamad: Saya ingin tahu jika dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran menyatakan iaitu adakah semua penuntut-penuntut yang menuntut di luar negeri terlebih dahulu meminta kebenaran untuk keluar pergi menuntut ataupun tidak?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semua penuntut-penuntut yang menuntut di luar negeri itu dapat kebenaran daripada Kementerian Pelajaran iaitu penuntut-penuntut yang pergi menuntut di Britain, Pakistan, Indonesia dan Bangladesh. Penuntut persendirian itu pula dapat kebenaran melalui Pesuruhjaya-pe-suruhjaya Tinggi asing di Kuala Lumpur.

Datuk Mansor bin Mohamad: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar iaitu ada sampai ke makluman saya jumlah penuntut-penuntut yang berasal ataupun yang mempunyai kerakyatan Malaysia di India lebih kurang 4,000? Daripada jumlah itu 85% daripadanya adalah terdiri daripada satu golongan sahaja, satu kaum, jumlah anak bumiputra tidak sampai 15%. Jika keadaan ini benar dan pihak Timbalan Menteri sedar, tidakkah Kerajaan menaruh kebimbangan bahawa bila penuntut-penuntut ini lulus kelak akan merosakkan atau upset berkenaan dengan penempatan pegawai-pegawai dalam jabatan Kerajaan kelak, yakni bilangan kaum-kaum yang ada dalam negara kita ini.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya akan siasat perkara itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, tadi telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa penuntut-penuntut kita di luar negeri ada kira-kira 26,000 orang, dan jumlah 26,000 orang ini adalah jumlah yang besar sekali. Saya ingin hendak tahu sejauh manakah pengawalan atau pengawasan telah dibuat oleh Kerajaan kita melalui kedutaan-kedutaan kita di luar negeri terhadap penuntut-penuntut kita, samada di dalam bidang pelajaran yang dihadapinya atau kegiatan-kegiatan yang dilakukannya di sesebuah negeri di mana dia belajar. Sejauh manakah pengawasan itu telah dibuat oleh Kerajaan kita?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang dikaji oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalnya bukan soal pengkajian tetapi soalnya ialah pengawasan. Pengkajian tentang kedudukan pelajar-pelajar itu mungkin telah dilakukan oleh Kementerian Pelajaran beberapa tahun sebelum pelajar-pelajar kita berada di luar negeri. Tetapi yang penting sekali setelah kita mengetahui bahawa banyak penuntut-penuntut kita di luar negeri, pengawasan terhadap mereka mestilah ada, tidaklah mereka bebas dengan sesuka hati sahaja dengan tidak ada pengawasan, samada di dalam kesihatan mereka, aktiviti mereka ataupun kemalangan yang berlaku atas diri mereka. Jadi, setakat ini sejauh mana pengawasan telah dibuat oleh Kementerian kita ini melalui kedutaan-kedutaan kita di luar negeri?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, di tiap-tiap negeri yang mana penuntut-penuntut kita ada belajar Pegawai-pegawai Kedutaan kita ada memberi nasihat dan memberi bantuan dan mengawal mereka daripada melakukan aktiviti-aktiviti sabversif. Kementerian Pelajaran adalah berhubung rapat dengan kedutaan-kedutaan di negerinegeri tersebut untuk mendapatkan kerjasama. Begitu juga Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia seperti di Britain, Australia dan Indonesia yang mana Pegawai-pegawai kita di sana selalu mengawasi penuntut-penuntut tersebut.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada bulan Julai yang telah lalu saya berkesempatan melawat sebuah negeri Arab iaitu Negeri Iraq, di mana dalam negeri itu terdapat kira-kira 60 orang penuntut-penuntut Malaysia sedang belajar. Apa yang saya tahu kedutaan kita tidak ada di Iraq dan mereka adalah terbiar dengan tidak ada pengawalan. Asrama yang mereka duduk walaupun kecil, tetapi mereka membayar ataupun beryuran sesama sendiri untuk mendapatkan asrama dan mereka mengharapkan bahawa kedudukan mereka itu dapat dipertimbangkan. Apa yang saya suka hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah usaha yang telah dibuat oleh Kementerian ini di sesebuah negara, di mana penuntut kita ada, tetapi tidak ada kedutaan kita di situ? Sejauh mana pengawasan ini telah dilakukan dan apa yang saya tahu penuntut-penuntut kita di Iraq itu terpaksa melindungi dirinya serta kebajikannya di bawah Kedutaan Indonesia sendiri. Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri—kalaupun tidak dapat menjawabnya sekarang—dapat menyiasat sejauh mana kebenaran bahawa penuntut-penuntut kita sebahagian di negara-negara luar itu terbiar dengan tidak dapat dikawal dengan baik?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya akan siasat perkara itu.

Tan Sri S. O. K. Ubaidulla: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah jumlah yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri termasuk penuntut-penuntut yang pergi untuk belajar ke luar negeri itu tetapi bekerja di sana dan belum pulang ke negeri ini?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, memang ada.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang bertanggungjawab apabila seseorang penuntut pergi ke luar negeri hendak belajar, katakanlah belajar ke Singapura, hendak menuntut di Nanyang Universiti Singapura ataupun hendak belajar di Universiti Taiwan, sebelum daripada itu dipanggil penuntut ini—memang dia bebas pergi belajar ke luar negeri dan apabila balik dia boleh bekerja, bukan sahaja dengan Kerajaan, tetapi di lain-lain tempat, tetapi mesti diterangkan

kepada mereka jikalau pergi ke universiti-universiti, baikpun di Nanyang Universiti, Singapura, ijazah-ijazah ataupun diploma itu tidak akan diiktiraf oleh Kerajaan supaya apabila dia balik kelak jangan membuat heboh. Adakah tidak diterangkan oleh Kerajaan secara begini?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini soalan lain.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berhubung dengan ramai jumlah penuntut-penuntut kita, saya ingin membuat soalan tambahan. Pada masa depan adakah Kerajaan bercadang hendak membuat satu peraturan kepada penuntut-penuntut kita yang belajar ke luar negeri, terutama sekali penuntut bersendirian supaya menjaga tata-tertib dan tidak terjadi sebagaimana yang diheboh-hebohkan baharu-baharu ini?

Tuan Chan Siang Sun: Perkara ini saya sudah jawab tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah betul bahawa penuntut-penuntut kita di England atau di United Kingdom/Great Britain telah menubuhkan sebuah parti siasah iaitu Parti UMNO?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar.

Cik Tom Saudah binti Haji Othman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkenaan dengan penuntut-penuntut di luar negeri seramai 26,000 orang, jadi saya hendak tahu adakah termasuk penuntut-penuntut kita yang belajar ugama di Universiti Cairo?

Tuan Chan Siang Sun: Ada, Tuan Yang di-Pertua.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan seramai 26,000 orang penuntut-penuntut di seberang laut. Bolehkah beliau terangkan bagaimana dapat angka-angka ini? Kadang-kadang penuntut-penuntut itu pergi dengan persendirian sahaja, tidak siapa

yang tahu. Dari mana dan macamana dapat tahu? Dari mana sourcesnya, cuba terangkan?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi saya katakan sebagai maklumat kasar (roughly).

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya daripada jumlah 26,000 ini berapa peratus penuntut perempuan? (*Ketawa*)

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri di kebelakangan ini menyatakan 26,000 itu lebih kurang (roughly), maknanya tidaklah mesti 26,000 mungkin lebih daripada 26,000 dan mungkin kurang. Soalnya sekarang ini nampak oleh saya bahawa pengawasan langsung tidak ada, dan kalau sekiranya pengawasan itu ada mesti nombor itu betul, bukan roughly tetapi factnya itu. Oleh sebab itu, saya minta kepada Yang Berhormat Menteri adakah pada masa akan datang supaya pelajar-pelajar kita yang pergi ke luar negeri ini dapat datanya dan nombornya dengan cara betul?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan cara kawalan. Ini cara-cara mengumpulkan angka (figures). Dalam pengumpulan data ini tentulah ada technical difficulties. Saya boleh memberi maklumat di sini, iaitu saya telah menyebutkan di dalam jawapan saya tadi, iaitu ramai penuntut-penuntut ini keluar negeri dengan cara bersendirian. Penuntut cara persendirian itu ialah melalui Pesuruhjaya Tinggi masing-masing. Memang susah untuk kita mendapatkan angkanya.

Yang keduanya, melalui Kementerian Pelajaran, empat buah negeri, iaitu Great Britain, Pakistan, Indonesia dan Bangladesh. Kita pun susah untuk mendapatkan butir-butir yang berkenaan penuntut-penuntut itu dan kita juga hendak bertindak sama dengan semua pihak-pihak yang memberi biasiswa seperti Kerajaan-kerajaan Negeri, badan-badan berkanun, pihak swasta, persatuan-persatuan dan sebagainya dan juga daripada

perwakilan-perwakilan asing dan Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia. Ini technical difficulties yang kedua.

Yang ketiganya, cara communication atau perhubungan. Kadang-kadang untuk mendapat angka-angka ini kita tentulah kena menghantar surat ke negeri itu untuk maklumat dan juga butir-butir berkenaan dengan penuntut dan juga kursus-kursus mereka ambil. Perhubungan ini mengambil masa juga.

Yang keempat, penuntut-penuntut selalu menukarkan kursusnya. Kalau hendak ditetapkan kursusnya barangkali susah sedikit. Barangkali tahun ini dia mengambil kursus kejuruteraan, tahun yang akan datang dia pergi belajar law. Selepas itu barangkali dia mengundurkan diri, tidak hendak belajar lagi. Dalam masa itu juga barangkali banyak yang balik kerana tidak berjaya dalam pelajaran itu. Inipun kita tidak dapat tahu. Figures ini selalu tidak tentu. Inilah keempat-empat kesulitan dan tentulah mengambil masa sedikit yang mana kita boleh mengumpulkan satu perangkaan yang kita boleh mendapat figures yang tetap. Inilah sebab-sebabnya. Dalam jawapan asal saya tadi, saya katakan Kementerian saya berusaha mengambil bilangan penuntut-penuntut yang tetap itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Bila saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan agak-agak lebih kurang 26,000 sahaja. Agak-agak ini kadang-kadang 3,000; 20,000 atau 15,000. Jadi pihak Kerajaan menjawab secara agak-agak. Kita ada Kedutaan-kedutaan kita, misalnya di England dan Australia ada High Commissioner kita dan di Jepun ada Ambassador yang mana penuntut-penuntut ini yang saya tahu ada didaftarkan namanya. Jadi, kita boleh dapat figures yang betul. Kementerian Pelajaran sepatutnya daripada dahulu sudah ada figures ini dan tidak payah minta notis dua minggu hendak mencari. Pada masa yang akan datang saya minta Kementerian Pelajaran boleh atau tidak disiapkan perkara ini?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab tadi bukan agak-agak. Saya jawab dalam lingkungan 26,000 orang. Berkenaan dengan pendaftaran, sebagaimana yang kita ketahui bilangan penuntut-penuntut itu adalah terlalu banyak. Seperti

yang saya katakan tadi, bilangan penuntut yang banyak ini ada yang tuang sana, tuang sini (*Ketawa*). Dengan tidak memberitahu, jadi susahlah hendak mendapat anggaran yang tepat. Inilah masaalahnya.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah pihak Kerajaan tidak dapat angka yang tepat bila pertanyaan atau soalan dikemukakan, adakah pihak Kementerian Pelajaran di masa yang akan datang akan membuat satu syarat bahawa tiap-tiap penuntut yang hendak keluar negeri mestilah melapurkan dengan lengkapnya kepada Kementerian Pelajaran?

Tuan Chan Siang Sun: Memang ada dasar semacam itu.

Tuan Chua Ching Cheng: Soalan tambahan. Memandangkan bilangan pusat pengajian tinggi di negara kita masih kekurangan, sebahagian besar penuntut-penuntut tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti untuk melanjutkan pelajaran mereka, adakah Timbalan Menteri Pelajaran sanggup memberi pertolongan atau kemudahan kepada mereka yang hendak melanjutkan pelajaran di luar negeri? Soalan saya ialah samada Kerajaan akan memberi atau tidak pertolongan seperti itu.

Tuan Chan Siang Sun: Langkah seperti ini selalu Kerajaan ada jalankan.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Soalan tambahan. Saya ingin tahu seramai 26,000 penuntut yang menuntut di luar negeri itu andai-kata pemergian mereka tidak dihantar oleh Kerajaan, mereka pergi dengan wang sendiri, adakah bila mereka tamat dan balik ke tanah air dapat layanan daripada pihak Kerajaan iaitu menerima dan memberi jawatan kepada mereka dengan tidak pilih kasih dengan mereka yang dihantar oleh Kerajaan?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah soalan lain.

RUMAH-RUMAH MURAH/PANGSA

2. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan, memandangkan kepada besarnya bilangan mereka yang bergaji kecil

yang tidak mempunyai rumah di Wilayah Persekutuan, samada Kerajaan ada apa-apa rancangan untuk mendirikan rumah-rumah dan jika ya, nyatakan bilangan yunit dan tempat rumah-rumah itu akan didirikan.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, rancangan untuk mendirikan rumah-rumah murah/pangsa bagi menampung mereka yang bergaji kecil di Wilayah Persekutuan memang ada. Projek-projek yang termasuk dalam rancangan ini ialah seperti berikut:

<i>Kawasan</i>	<i>Yunit</i>
(a) Jalan San Peng	792
(b) Jalan Cheras	2,000
(c) Jalan Sentul (tapak lama) ...	800
(d) Jalan Sentul (tapak baru) ...	1,556
Jumlah	5,148

Rancangan-rancangan untuk penduduk-penduduk pendapatan rendah akan dipergiatkan bagi setahun ke setahun dengan merancang cara besar-besaran pembinaan rumah-rumah murah di beberapa kawasan yang lain.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri dapat menerima permohonan daripada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat atau Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara bagi memohon rumah-rumah untuk kakitangan-kakitangan mereka yang bergaji rendah di Parlimen ini?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya berkehendakkan notis atas soalan ini.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mendirikan rumah-rumah harga murah di Negeri-negeri Pantai Timur?

Datuk Ong Kee Hui: Kalau tidak salah pendengaran saya, rancangan pembinaan rumah-rumah di Negeri-negeri itu bukan tanggungjawab Kementerian saya, tetapi di bawah tanggungjawab Kementerian Perumahan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Memandangkan ramainya penghuni di Wilayah Persekutuan ini ataupun di bandar-bandar besar yang tidak mempunyai rumah, bolehkah Kementerian ini menubuhkan satu jawatankuasa bagi menyasat dan bertindak supaya dapat jumlah yang sebenarnya mereka yang tidak mempunyai rumah. Dengan itu, kita akan membuat plan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah ini.

Datuk Ong Kee Hui: Di dalam Wilayah Persekutuan, pihak Dewan Bandaraya memang ada jawatankuasa untuk merancang dan mengkaji keperluan orangramai tentang rumah-rumah murah ini.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan. Rumah murah ini barangkali termasuklah rumah pangsa. Adakah Yang Berhormat Menteri pernah melawat rumah-rumah pangsa yang telah ada sekarang ini seperti yang disebutkan jumlahnya? Kemudahan-kemudahan yang ada kepada mereka sekarang seperti lift dan sebagainya adakah itu telah memuaskan hati penduduk-penduduk di rumah pangsa atau rumah murah tersebut?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah melawat beberapa rancangan rumah murah dan rumah pangsa di dalam Wilayah Persekutuan, dan saya sedar kemudahan-kemudahan di dalam rancangan itu tidak begitu memuaskan. Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya akan mengkaji untuk memberi kemudahan-kemudahan yang lebih baik lagi.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Haji Othman bertanya berhubung dengan facilities seperti lift dan sebagainya di dalam rumah ini. Sebagaimana yang kita tahu lift ini selalu rosak, orang selalu terperangkap berjam-jam pun ada. Saya tidak tahu betul atau tidak sebab saya baca suratkhbar. Jadi adakah penjaga lift diadakan untuk membubuh minyak dan sebagainya? Adakah atau tidak orang-orang seperti ini?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar atas masalah ini. Ini satu perkara yang telah dikaji oleh Dewan Bandaraya. Perkara ini memang susah hendak mengatasinya kerana kebanyakan

budak-budak atau orang jahat yang merosakkan lift itu dan Dewan Bandaraya telah mengatur supaya senentiasa ada orang menjaga lift tersebut. Jikalau ada kerosakan akan dibaiki dengan segera. Walau bagaimanapun, kadang-kadang spare-partsnya susah hendak dapat dan lift yang rosak itu beberapa hari tidak dapat digunakan. Ini satu masalah yang selalu timbul dan Kementerian saya serta Dewan Bandaraya sedar tentang masalah ini.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada rumah pangsa ini. Ada beberapa buah bangunan yang ada di Jalan Pekeliling didiami oleh anggota Pasukan-pasukan Keselamatan kita iaitu Pasukan Polis, kalau tidak salah saya. Dan bangunan itu sekarang dikawal ataupun diduduki oleh anggota polis, malangnya bila saya pergi melawat ke tempat itu liftnya baik boleh berjalan, tetapi tidak ada lampu. Perkara ini telah berlaku selama beberapa bulan dan mengikut kata penghuni rumah pangsa, ini adalah satu contoh yang paling kecil sahaja iaitu lampu tidak dapat hendak ditukar dalam tempoh yang sependek-pendeknya. Kalau berlaku suatu kecemasan katanya, kami terpaksa lari dari tingkat 14 ke bawah. Apakah Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian yang lebih serious terhadap rumah pangsa yang diduduki oleh Pasukan Keselamatan kita supaya tidak terganggu tugas-tugas mereka di dalam menghadapi sebarang kecemasan di negara ini?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak sedar tentang hal ini. Pada pendapat saya sepatutnya Pasukan Keselamatan atau Polis yang menduduki rumah pangsa dapat dengan sendirinya mengatur perkara ini atau melapurkan kepada Dewan Bandaraya kerana Kerajaan sendiri tidak dapat mengaturkan perkara ini. Orangramai juga sentiasa mengetahui bahawa ada pegawai Dewan Bandaraya yang duduk di dalam satu kawasan rumah pangsa, dengan ini dapatlah diberitahu supaya dapat menjagakan perkara seperti ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mendengarkan komplek mengenai rumah pangsa ini, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju atau tidak dengan saya iaitu jagaan-jagaan rumah pangsa ini kurang?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, ini boleh jadi juga satu masalah.

HOSPITAL BESAR IPOH— KAKITANGAN DI KELINIK MATA

3. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan kepada kekurangan kakitangan di klinik Mata di Hospital Besar, Ipoh adakah Kerajaan bercadang untuk menambah bilangan kakitangannya.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, kakitangan di Klinik Mata, Hospital Besar, Ipoh adalah cukup dalam keadaanya sekarang dan tidaklah perlu untuk menambah bilangan kakitangannya lagi.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Soalan tambahan. Saya sendiri telah pergi ke Klinik Mata, lebih kurang satu jam berdiri di sana, dan saya mendapat tahu tiap-tiap hari lebih 100 orang datang, mereka tidak ada tempat duduk dan berdiri sahaja berjam-jam (1 hingga 4 jam). Saya berdiri selama satu jam kerana tidak ada tempat duduk dan pelawat sangat ramai. Hospital itu hanya mempunyai seorang doktor sahaja. Ini tidak mencukupi. Jadi, saya bertanya apakah sebabnya terjadi begini? Katanya, kerana kakitangan tidak cukup untuk menjalankan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian telah memberi jawapan bahawa kakitangan cukup, tetapi saya pergi di sana 1½ jam berdiri dan melihat perkara ini. Adakah perkara ini boleh disiasat?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut keadaan sekarang ini, saya menyatakan cukup, oleh kerana Klinik Mata di Hospital Ipoh ada mempunyai seorang pakar dan seorang Pegawai Perubatan, dua orang Pembantu Hospital Tingkatan Khas, seorang Penolong Jururawat, seorang Kerani Penyambut dan tiga orang attendan, maknanya sudah cukup bagi melayan pesakit-pesakit mata di klinik itu.

Dr Lim Keng Yaik: Soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa ada seorang doktor pakar dan tidak ada doktor lain atau Pembantu Hospital Tingkatan Khas. Saya tahu yang staff di sana tidak mencukupi

dan saya sendiri sebagai seorang doktor mengetahui ramai pesakit-pesakit yang ada menunggu di Klinik Mata Hospital di Ipoh. Sebab ini saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bolehkah mempertimbangkan dan mengambil tindakan untuk menyelesaikan perkara ini?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini akan dipertimbangkan mengikut keadaan dan jika kita boleh mendapat pakar-pakar doktor mata yang ramai.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya bahawa beliau sendiri belum pernah melawat ke hospital itu. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan pergi melawat dan membuat penyiasatan tentang tidak cukupnya kakitangan itu? Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang hendak melawat dengan tidak memberitahu kepada pegawai-pegawai yang ada di hospital itu di atas kedatangannya, kerana Yang Berhormat itu barangkali selalu balik ke Alor Star, dan boleh singgah di situ dengan tidak payah memberitahu? Dan hasil daripadanya akan dapat menolong kepada pesakit-pesakit yang dikatakan tidak mendapat rawatan yang sempurna. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang hendak membuat lawatan itu sekurang-kurangnya dia beritahu kepada saya?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan saya tidak pernah melawat ke Hospital Ipoh. Saya telah melawat tiga kali Hospital Ipoh pada masa yang lalu, walaupun saya telah menjadi Timbalan Menteri ini baharu sahaja. Di kelinik Mata pun saya sudah melawat kerana ada saudara saya yang sakit di situ. Polisi Kementerian Kesihatan sekarang ini Menteri dan Timbalan Menteri sedang menjalankan satu penyiasatan ataupun satu surprise checking. Selalunya Menteri dan Timbalan Menteri bertindak secara yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Maksud saya tadi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang hendak pergi ke Ipoh sekali lagi?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Kalau saya mengatakan polisi itu bermakna keseluruhan hospital-hospital yang berkenaan.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, termasuk surprise check ini kalau pada waktu pejabat dia check atau pada selepas office hours. Saya ingat ini tidak betul dan saya berharap kepada Kementerian kalau hendak mengambil apa-apa surprise check, tolonglah ambil pada waktu pejabat.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah kalau kita membuat surprise check pada waktu pejabat.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun soal pokok menyebutkan Eye Clinic, General Hospital, Ipoh, saya ingin tahu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengakui iaitu kekurangan kakitangan di hospital-hospital seluruh negara berlaku atau tidak?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui adanya kekurangan doktor dan kekurangan pakar di dalam negara kita ini, oleh kerana itu sekarang ini kita berusaha mendapatkan doktor-doktor dari luar negeri dan juga akan membanyakkan doktor kita sendiri keluaran daripada universiti kita.

HOSPITAL BESAR IPOH—PEMBINAAN

4. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan bahawa batu asas pembinaan Hospital Besar Ipoh yang baru telah diletakkan lebih kurang setahun yang lalu, bilakah Kerajaan bercadang hendak menyegerakan kerja pembinaan bangunan ini oleh kerana pembinaan tersebut pada masa sekarang samada sangat perlahan atau pun telah terhenti sama sekali.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja pembinaan bagi Hospital Besar baru di Ipoh telah bermula dalam bulan Julai, 1974 dan menurut laporan-laporan yang telah diterima daripada Jabatan Kerja Raya Perak kerja-kerja pembinaan adalah berjalan lebih lancar dan pesat daripada apa yang telah dijangkakan.

Dr Lim Keng Yaik: Soalan tambahan. Saya suka hendak mengetahui mengapakah sebuah hospital baru telah dibina di

sebarang pegawai polis dan lesen-lesen mereka ditandakan dan bahawa orang-orang yang melakukan kesalahan yang degil lesen-lesen memandu mereka patut digantung selama 3-6 bulan.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian ini tidak bercadang untuk menaikkan umur yang layak atas semua pemandu-pemandu dari 18 ke 20 tahun.
- (b) Mutu peperiksaan layak memandu telahpun dinaikkan dengan mengadakan peperiksaan yang dijalani oleh penguji-penguji dreber yang berpengalaman dan terlatih dan juga dengan menambah lagi jenis-jenis lesen yang diluluskan supaya dreber-dreber dibenarkan membawa kenderaan yang mereka cekap membawa sahaja, seperti lesen dreber motosikal dan lori masing-masing telah dibahagi kepada peringkat-peringkat mengikut keupayaan enjin dan berat kenderaan itu.
- (c) Kerajaan adalah berpuas hati dengan keupayaan yang ada pada pemeriksa-pemeriksa kenderaan yang ada sekarang dalam menjalankan tugas-tugas mereka.
- (d) Di bawah Undang-undang Lalu-lintas Jalanraya, 1958 sudah tersedia peruntukan yang memberikan kuasa kepada pegawai-pegawai polis untuk menahan dan mendenda orang-orang yang melakukan kesalahan atas peraturan lalu-lintas dalam kes-kes yang bersesuaian.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian ini bercadang tidak akan melanjutkan lagi lesen pemandu-pemandu kereta yang telah berumur 70 tahun?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Saya minta ulangkan soalan itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian ini bercadang pada suatu masa yang akan datang tidak akan melanjutkan lagi lesen pemandu kereta dalam negeri ini yang mana tuan punya lesen itu telah berumur 70 tahun?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya, tidak.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada banyaknya pelanggaran-pelanggaran dan kecelakaan-kecelakaan jalanraya dari satu masa ke satu masa dan mungkin agaknya kerana kecuaiannya pemandu-pemandu serta tidak sabar memandu kereta dan kalau kita tengok mungkin lebih 50% atau 60% yang terlibat ialah orang-orang yang mempunyai lesen memandu yang umurnya kurang daripada 25 tahun ke bawah, sekalipun orang yang lebih dari 25 tahun itu ada juga berlaku kemalangan dan oleh kerana itu adakah Kementerian ini bercadang supaya mengetatkan lagi kelulusan terhadap pemeriksaan memandu kereta bagi orang-orang yang di bawah umur, artinya di bawah umur 25 tahun ke 18 tahun. Sebab nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, kemalangan ini berlaku kerap-kali oleh kerana sebab-sebab kemudian atau oleh kerana pemuda-pemuda itu tidak sabar dan sebagainya, dan kerana itu pengawalan terhadap mereka ini patut diperketatkan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ber-setuju supaya diperketatkan ataupun pengawasan yang lebih keras akan dilakukan kepada orang-orang yang memohon untuk mendapat lesen memandu?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini memang selalu mengawasi perkara yang penting ini, dan bukan sahaja Kementerian ini sedang dan selalu mengambil tindakan-tindakan yang sesuai untuk mencapai matlamat itu, tetapi Kementerian ini ada juga mengambil tindakan-tindakan yang lain seperti pindaan kepada Akta Lalulintas iaitu Akta A 64 Tahun 1973 yang bertujuan mencegah kenderaan-kenderaan dari melakukan kesalahan-kesalahan dan mengenakan denda yang lebih berat kepada sesiapa yang melanggar peraturan-peraturan lalulintas. Juga, Tuan Yang di-Pertua, kita adalah telah mempesatkan lagi kegiatan penguatkuasaan iaitu telah diperhebatkan dengan kerjasama pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan. Menambah bilangan pegawai-pegawai penguatkuasa kenderaan-kenderaan ronda Polis dan kelengkapan-kelengkapan radar dan membina alat-alat penimbang lori berat yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini juga sedang mengkaji soal menaikkan taraf ujian memandu bagi penguji-penguji (tester) dan jurulatih-jurulatih (instructor) sekolah memandu. Kementerian ini pun sedang membaiki jalan-jalan yang bengkok-bengkok, selekoh-selekoh yang merbahaya dan permukaan jalan yang licin dan meluaskan jalanraya yang sempit. Kementerian ini ada juga memberi pelajaran panduan lalulintas kepada orangramai melalui Kempen Keselamatan Jalanraya untuk memberi kesedaran kepada semua pengguna-pengguna jalanraya itu dan dengan tindakan-tindakan ini, Kementerian ini berharap sampai satu masa nanti pemandu-pemandu kita tidak kira muda atau tua akan memahami secara mendalam bagaimana mereka mesti membawa kenderaan mereka itu.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian membuat penyiasatan berkenaan dengan undang-undang, baik dari segi undang-undang di negeri-negeri lain yang mempunyai banyak lagi kereta daripada negeri kita seperti di United States ataupun di Eropah dan juga cara mengontrol trafik dengan cara yang lebih moden lagi supaya dapat mengurangkan bukan sahaja traffic jam, tetapi juga kemalangan jalanraya yang semakin meningkat di negeri kita. Umpamanya, mengontrol trafik dengan helicopter dan mengetatkan undang-undang untuk memberi hukuman yang lebih berat kepada pihak yang cuai dalam memandu kereta?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, berkenaan dengan memperketatkan lagi undang-undang kita ini memang ada. Tetapi kalau kita hendak belajar daripada negeri-negeri lain yang ada dan sedang menggunakan helicopter dan sebagainya untuk mengawal traffic kita itu, saya fikir itu adalah satu cara yang paling mahal sekali, dan barangkali kita belum mampu berbuat begitu. Akan tetapi, setahu saya kita adalah sentiasa mengambil perhatian dan kalau ada tempat di mana-mana yang kita boleh mempelajari daripada negeri-negeri yang lain itu, kita mestilah belajar juga.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, setahu saya dari segi mempelajari daripada negeri-negeri yang lain itu, satu masa ke satu masa kita ada mengupah perunding (consultant) yang telah memberi nasihat kepada kita supaya jalan-jalan kita itu boleh diperelekan lagi agar selama-lamanya saya berharap bilangan kemalangan kita akan dapat dikurangkan.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian ini sedang pemandu kenderaan berat juga selalu melanggar syarat-syarat lalulintas kerana memandu terlampau laju, walaupun tanda 25 ataupun 30 batu sejam ada tertulis di kenderaan masing-masing dan ini juga satu daripada punca kemalangan jalanraya?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini memang sedar akan keadaan itu. Sebenarnya, kecuaiannya pemandu kereta kita itu tertakluklah kepada desakan tertentu, misalnya, desakan daripada tanggungan dirinya, tetapi ini adalah satu human factor yang tidak boleh dilegislatekan. Seperti yang saya katakan tadi perkara ini bergantung ataupun tertakluk kepada satu kesedaran di atas motoring public kita, dan saya harap melalui kempen dari satu masa ke satu masa itu mereka akan tahu tentang mustahaknya apabila mereka membawa kenderaan itu mereka mesti sedar akan apa yang telah dicakapkan courtesy, consideration and carefulness. Saya berharap pada masa yang akan datang motoring public kita itu akan sedar peri mustahaknya.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini bercadang mengharamkan pemandu "L" memandukan kereta di dalam kawasan ibu kota yang mana trafficnya begitu penuh sesak (congested)?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya pada masa sekarang tidak. Tetapi kalau Yang Berhormat itu boleh memberi kerjasama ataupun bantuaannya ada sebab-sebab yang perlu ditimbangkan supaya larangan itu dibuat, saya minta dan barangkali beliau boleh membuat satu cadangan secara bertulis dan kemukakan kepada Kementerian ini yang akan mengkaji dan membuat satu keputusan yang sesuai nanti.

JAMBATAN MUAR/BATU PAHAT— KUTIPAN TOL

6. **Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan dengan tepat bilakah kutipan tol di jambatan-jambatan Muar dan Batu Pahat akan dimansuhkan untuk menghormati jaminan yang diperbuat kepada pengundi-pengundi oleh Barisan Nasional dalam pilihanraya umum yang lalu pada 24hb Ogos, 1974.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini masih lagi dalam kajian Kerajaan dan keputusan mengenainya masih belum dapat dicapai lagi.

BIJIH TIMAH—CUKAI KEUNTUNGAN

7. **Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed** minta Menteri Kewangan menyatakan bera-pakah banyak Hasil Negara yang dipungut daripada Cukai Untung Bijih Timah dalam tahun 1973.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua bijih timah dalam tahun 1973 ialah sebanyak \$6,517,628.

Dr Lim Keng Yaik: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, di persidangan Dewan Negara yang lalu saya ada meminta Kerajaan supaya memeriksa cukai untung bijih timah, sebab cukai yang berkenaan tidak adil, kerana cukai itu adalah berkenaan bijih timah sahaja (tin profit tax). Tetapi cukai yang berkenaan termasuk bijih besi (tin ore) dan di dalam bijih besi ada mengandungi lain-lain hal. Tetapi saya tahu bijih besi ada mengandungi 70 atau 75% bijih timah (tin) sahaja dan cukai ini hendak dimasukkan semua sekali ke dalam bijih besi. Saya ingin tahu adakah Kementerian berkenaan mengambil apa-apa tindakan untuk menyelesaikan perkara ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, jika saya dapat faham soalan itu ada dua perkara yang ditimbulkan, satu samada Kementerian saya mengkaji dasar ataupun kadar cukai keuntungan atas bijih timah. Memang Kementerian saya selalu mengkaji kadar-kadar cukai, samada cukai yang tidak cukup ataupun cukup adalah satu pengkajian yang selalu di buat dalam Kementerian saya. Jika tak salah saya soalan yang kedua, ialah

berkaitan dengan cukai atas bijih timah dan besi. Memang ada kalanya bija exporters yang berkenaan mengekspot besi termasuk dalam besi itu ada jua tin concentrate dan pada pengalaman kita tidak boleh dikatakan besi sahaja tidak ada tin.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan ini ada teknikal sedikit, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Sir, the tax concerned was tin profits tax—tax based on tin profits—but when the tax was applied, it was applied in toto to tin-ore that was presented to the smelters. So, as a result, when you tax a person on tin profits, you also tax him on tin-ore which is still impure. That is why I ask whether the Government has taken action to separate these two things and to solve this matter because, according to the present method of taxation, you are not only taxing on the tin but also on the tin-ore. If you are taxing on the assay up to 70% or 75%, that is all right. But whatever tax that was collected so far was based on the whole “pikul” of tin and other materials not associated with tin but which were found in tin-ore. Saya suka hendak tahu dari Timbalan Menteri jika Kementeriannya ada mengambil apa-apa tindakan untuk menyelesaikan perkara ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta yang berkenaan iaitu di dalam Supplementary Income Tax Act, 1967, adalah peruntukan-peruntukan di dalam Seksyen 4 dan 5 berkenaan dengan tin profit.

(Dengan izin) The Act that applies is the Supplementary Income Tax Act, 1967 and in Part II of the Act which is concerned with tin profits tax, there are definitions as to where this tax will fall; and if there are technical problems arising out of the application of this particular law and if the Honourable Member feels that cases of injustice have occurred, he can always write in to the Director-General of Inland Revenue and ask for clarification as to the application of the law.

Tuan Yang di-Pertua: Tempoh satu jam yang diuntukkan bagi soal-jawab telah cukup.

(Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 10 adalah diberi di bawah ini).

KAYU-KAYAN—CUKAI KEUNTUNGAN

8. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah Hasil Negara yang dipungut daripada Cukai Untung Kayu-Balak dalam tahun 1973.

Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Jumlah hasil yang dikutip dari cukai keuntungan kayu-kayan dalam tahun 1973 ialah sebanyak \$4,942,104.

BANK PERNIAGAAN DI MALAYSIA

9. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah Bank Perniagaan di Malaysia sekarang dan samada boleh jumlah itu ditambah. Jika tidak, mengapa.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Di masa ini terdapat sebanyak 35 buah Bank Perniagaan di Malaysia yang menguruskan sejumlah 386 pejabat-pejabat bank. Dari pengalaman, bilangan bank bukanlah satu pertimbangan yang penting untuk menentukan kecukupan kemudahan bank di dalam negara. Keteguhan tiap-tiap bank dan kebolehannya memberi perkhidmatan yang secukupnya adalah faktor-faktor utama. Polisi Kerajaan di masa ini bukanlah untuk menambahkan bilangan bank tetapi menggalakkan bank-bank yang ada untuk memperbaiki perkhidmatannya dan khususnya meluaskan kemudahan bank di kawasan-kawasan yang tiada bank di masa ini atau di kawasan yang perkhidmatan sistem bank tidak mencukupi.

SYARIKAT INSURAN DI MALAYSIA

10. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah Syarikat Insuran di Malaysia, berapa jumlahnya setiap jenis, berapa buah milik orang-orang asing dan berapa buah milik rakyat Malaysia.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Pada masa sekarang ada terdapat 90 buah syarikat insuran yang menjalankan perniagaan di Malaysia dan bilangan didaftarkan mengikut kelas perniagaan insuran ialah seperti berikut:

(i) Am saja	69
(ii) Nyawa saja	8
(iii) Pelbagai (Nyawa dan Am)	13
				—
				90
				—

Syarikat yang ditubuhkan di luar Malaysia berjumlah 73 buah sementara 17 buah lagi ditubuhkan dalam Malaysia. 15 buah daripada syarikat-syarikat yang ditubuhkan dalam Malaysia mempunyai majoriti equiti mereka dipegang oleh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan sekarang selama lima minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 3.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 3.45 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli

pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen yang Keempat." (8hb Januari, 1975).

Perbahasan disambung semula.

3.45 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, semalam bagi setengah orang atau kelmarin bagi kebanyakan orang dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator bolehlah memilih mana satu atau dua perkataan ini. Saya telah menamatkan ucapan saya pada jam tepat 6.30 petang dan saya sukacitalah pada petang ini menyambung semula ucapan yang tidak habis itu. Saya mohon izin untuk berucap dari satu masa ke satu masa dalam bahasa Inggeris.

Kelmarin saya telah menjawab beberapa Ahli Yang Berhormat Senator daripada tempat duduk yang lain di sebelah Yang Berhormat Senator Datuk Crawford dan Yang Berhormat Senator Abdul Samad Osman oleh kerana kekurangan kerusi di Ministerial Bench. Sekarang ramai Menteri-menteri datang ke Senate terutama pada hari kelmarin. Di manapun saya duduk tidak mengapa, saya takut nanti saya dituduh tidak ada disiplin or hopping from one place to another, tetapi saya mohon mencadangkan supaya tempat-tempat untuk Ministers and Deputy Ministers ini dapat diperbanyakkan lagi. Nampaknya Senate ini tahun demi tahun makin popular dengan Menteri-menteri. Sungguhpun saya bercakap di tempat lain pada hari kelmarin dan pada hari ini di tempat yang sepatutnya, orang yang bercakap adalah orang itu juga, sungguhpun pakaian pada hari ini berlainan daripada hari kelmarin, barangkali ini hanya dapat diperhatikan dan dilihat oleh Yang Berhormat Senator Rafidah Aziz sahaja, kerana saya tahu Yang Berhormat Senator Rafidah Aziz ini has good eyes for fashion and good nose for news and information.

Tuan Yang di-Pertua, kelmarin saya telah berucap dan telah berhenti berucap pada perkataan "minimum of delay".

(Dengan izin) But in today's *New Straits Times*, one paragraph which I have not yet said and which I am going to say today, has already been published (*Ketawa*). The *New Straits Times*, I must say to their credit, has a good sense of anticipation.

Saya sukalah memulai sedikit, to repeat what I said yesterday, otherwise the sentence would not be complete because I left it hanging. As regards better co-ordination between the Federal authorities and State authorities on the uses and approval of land for various economic projects, it has been the desire of the Prime Minister to see that there exists better co-ordination so that work in this area is carried out speedily, with the minimum of delay. In his visits to the various States, he has always stressed it and the Prime Minister is expected to emphasise this even more in his proposed visits to the various States after his return from his tour of the Middle East in early February.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin telah menyentuh mengenai pembinaan jalan dan hubungannya dengan soal keselamatan (security). Tidak ada jalan-jalan yang dibina khas untuk ketenteraan (security), jalan-jalanraya utama di negara ini dibina berdasarkan kepada faktor-faktor ekonomi dan sosial. Walau bagaimanapun, jika terdapat faktor ketenteraan (security) yang dititik-beratkan maka perkara itu sudah tentu akan dipertimbangkan bersama.

Yang Berhormat Senator Dr Lim Ah Sitt telah menyatakan rasa kesalnya kerana banyak pengundi-pengundi yang layak telah terkeluar dari Daftar Pemilih akibat menyemakan dan pendaftaran pemilih tahun 1973 dan 1974. Beliau telah mencadangkan supaya mereka yang terlibat didaftarkan semula.

Pemotongan nama-nama pemilih yang ramai daripada Daftar Pemilih 1973/74 adalah berikutan dengan tindakan Suruhanjaya Pilihanraya terhadap nama-nama berganda dan yang mati. Tindakan ini telah hanya diambil buat pertama kali dalam tahun 1973/74 dan itulah sebabnya banyak nama-nama pemilih yang dikeluarkan dari Daftar Pemilih 1973/74.

Yang Berhormat Senator Dr Lim Ah Sitt juga telah mencadangkan dua langkah untuk membaiki sistem pendaftaran yang ada sekarang ini. Mengenai mengadakan pendaftaran sepanjang tahun, sukacitalah saya memaklum atau mengumumkan di Majlis yang mulia ini bahawa satu Jawatankuasa sedang mengkaji perkara ini dan lapuran ini akan dibentangkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk dipertimbangkan.

Berkenaan dengan compulsory registration atau diwajibkan mendaftar, oleh kerana Kerajaan kita mengamalkan sistem demokrasi, maka soal ini tidak timbul sama sekali kecuali Perlembagaan dipinda untuk menghendaki pemilihan dipinda untuk tujuan ini.

Yang Berhormat sahabat saya Senator Raja Nong Chik telah menekankan bahawa kemiskinan adalah masalah yang besar dan Kerajaan pun memang sedar tentang ini. Kemiskinan adalah satu masalah yang amat dan maha penting yang sedang kita hadapi pada masa ini. Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Tun Haji Abdul Razak telah, sedang dan akan berusaha lebih giat dan tekun lagi untuk mengurangkan kalau tidakpun menghapuskan langsung kemiskinan sama sekali dengan seberapa segera yang boleh. Saya sukacita mendengar bahawa Yang Berhormat Senator ini mengakui tentang adanya atau wujudnya dasar dan menghargai pula usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan di kalangan semua rakyat di negara ini baik mereka di luar bandar ataupun di bandar kerana kemiskinan (poverty) tidak mengenal tempat dan bangsa. Apa yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat ini ialah supaya kemiskinan ini dapat dihapuskan dengan seberapa segera yang boleh dan ini juga adalah hasrat Kerajaan Tun Abdul Razak. Kita bersependapat di sini tetapi perkara menghapuskan kemiskinan ini sudah tentu akan mengambil masa yang panjang oleh kerana selain daripada kegiatan ekonomi yang diperlu ada juga melibatkan mental attitude dan human problems. Untuk menyusun semula masyarakat yang dipecahbelah oleh penjajah, masyarakat yang telah dieksploitkan hebat-hebatnya oleh colonialism sekian lama mestilah mengambil masa yang agak panjang, tetapi saya percaya dengan kerjasama dan ketekunan rakyat semua masalah ini akan dapat diatasi dalam jangka masa matlamat the New Economic Policy. Walaupun begitu, saya suka untuk memberi sedikit penjelasan di sini kerana Yang Berhormat Senator Raja Nong Chik membuat perbandingan berkenaan dengan kemiskinan di negara China zaman Chiang Kai-shek dengan kemiskinan yang ada di negara kita ini. Pengalaman (experience) di negara kita dengan experience di negara China adalah berbeza dan amat berlainan sekali. Sukalah saya menerangkan supaya

dapat kita bersama-sama memahami masalah dan keadaan politik yang sangat berlainan itu.

Senator Raja Nong Chik telah mengatakan bahawa satu sebab kekalahan Chiang Kai-shek di negara China dahulu kerana dia tidak dapat menghapuskan kemiskinan. Memang benar salah satu sebab kemenangan komunis di negara China ialah rakyat dalam negara itu dalam zaman rejim Chiang Kai-shek hidup dalam keadaan papa dan miskin. Tetapi kemiskinan hanya satu sahaja faktor dari kekalahan Chiang Kai-shek. Kalaulah kemiskinan sahaja yang menjadi punca kemenangan Komunis maka bererti seluruh Third World sekarang sepatutnya dikuasai oleh Komunis.

Ada faktor lain yang lebih penting maka Chiang Kai-shek kalah di dalam tahun 1940 dulu. Salah satu sebab besar ialah Mao Tse-tung pada masa rakyat China memperjuangkan kebebasan negara dan rakyat China. Mao Tse-tung memperjuangkan peperangan pembebasan atau "liberation war" untuk melepaskan negara China daripada penjajahan Jepun dan kemudiannya penjajahan Amerika.

Memang benar landlordism mencengkam rakyat negara China, tetapi landlordism di negara China atau di India tidak sama coraknya, jauh bezanya dengan landlordism di negara kita yang kebanyakannya adalah lebih kecil dan tidak begitu ramai.

Kerajaan China dalam zaman Chiang Kai-shek merupakan sebuah rejim diktator; negara China menjadi tanah jajahan Jepun tetapi juga kuasa-kuasa penjajah Barat yang mempunyai kawasan masing-masing dalam negara itu. To be exact, di Shanghai, the International Settlement yang merupakan "Negara-negara Asing" dalam Negara China.

Seorang pakar mengenai faham komunis (expert on communism) ketika mengulas tentang kejayaan Mao dalam peperangannya melawan Chiang Kai-shek telah berkata, and I quote:

"First, organise a solid communist apparatus. Then, develop a Red Army under the direction of the apparatus. Next, launch a patriotic or democratic war against foreign imperialists. Only when this has been brought to a successful conclusion, undertake the next stage—the important stage—the socialist revolution."

Malaysia tidak dikuasai oleh sebarang kuasa penjajah seperti negara China dalam zaman Chiang Kai-shek. Chin Peng tidak dapat melancarkan war of liberation di Malaysia kerana negara kita merdeka dan berdaulat. Inilah satu daripada sebab yang besar maka fahaman komunis dapat dibendung dan dibatasi dan Chin Peng masih belum berjaya memperkembangkan sayapnya melainkan berlegar-legar di hutan belantara sempadan sahaja dan mengikut akhbar hari ini dia pun tidak ada di sempadan. Kita pun tidak tahu dia di mana. Sekurang-kurangnya saya tidak tahu.

Selain daripada itu, Kerajaan melancarkan sejak merdeka rancangan-rancangan pembangunan yang dituju untuk mempertingkatkan taraf hidup rakyat semua bangsa. Dasar Ekonomi Baru bercita-cita merapatkan jurang perbezaan luarbandar dan dalam bandar. Kita tahu komunis menumpukan siastannya, kegiatannya di luar bandar untuk menegakkan tapaknya sebelum ia memasuki ke bandar atau ke kota, tetapi kita telah berusaha dengan sepenuh tenaga memperbaiki taraf hidup rakyat bandar dari sejak kita merdeka lagi—bandar dan luar bandar dan kita hanya minta rakyat dari semua bangsa bersama lebih tekun lagi dalam usaha ini sehingga cita-cita itu berjaya dalam masa tidak sampai 15 tahun lagi, khasnya dalam melaksanakan Dasar Buku Hijau yang dianjurkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Tun Abdul Razak, kita belum berjaya sepenuhnya, tetapi sedikit demi sedikit kita telah dapat mengatasi masalah kemiskinan di luar bandar. Kemenangan dalam peperangan membentasi kemiskinan akan memakan masa yang lama, tetapi rakyat tahu kita telah berusaha dan akan tetap berusaha memperbaiki taraf hidup mereka.

Agak malang sedikit Ahli Yang Berhormat kelmarin menyebut Chiang Kai-shek sebagai perbandingan. Chiang Kai-shek tidak boleh menjadi perbandingan kerana keadaan negara China dalam zaman Chiang Kai-shek dahulu tidak sama dengan keadaan di Malaysia sekarang ataupun dahulu. Kemiskinan di negara China oleh Chiang Kai-shek dibiarkannya. Corak pemerintahannya iaitu corak dictatorship. Negara China merupakan sebuah negara feudal yang dikuasai oleh penjajah-penjajah barat dan subservient to foreign powers. Saya perlu membetulkan

hal ini supaya keadaan sebenarnya dimengertikan oleh rakyat kita yang berbilang bangsa.

Dasar negara kita, dasar Malaysia semenjak merdeka ialah mengadakan infrastruktur atau kemudahan-kemudahan asas untuk memberi nikmat kemerdekaan kepada rakyat luar bandar, petani, nelayan dan pekebun-pekebun kecil. Kita mendirikan sekolah, jalanraya, kelinik, paip air, lampu letrik, irrigation, memberi rakyat berbagai-bagai subsidi dan segala kemudahan hidup yang sebelumnya tidak pernah dirasakan oleh rakyat dalam zaman penjajahan dahulu. Sekarang pula kita berhasrat merapatkan jurang ekonomi yang membezakan bandar dengan luar bandar. Inflasi dalam musim meleset mungkin berkesan kepada rancangan-rancangan pembangunan negara kita, tetapi kita bertekad untuk mengatasi kesan-kesan itu dengan langkah-langkah positif yang telahpun dilancarkan dan yang akan dilancarkan pada masa depan. Rancangan Green Book atau Buku Hijau ialah satu daripada langkah positif Kerajaan untuk mengatasi kemelesetan (recession) yang akan berlaku pada tahun ini disebabkan oleh zaman inflasi dan recession, tetapi faktor-faktor ini adalah di luar kekuasaan kita. Kita tidak boleh menghindarkan atau mengawalinya, tetapi kita boleh membatasi kesan-kesannya daripada meruncing kehidupan rakyat jelata kita.

Bagaimanapun tekad kita untuk mempertahankan taraf hidup rakyat tetap tidak berubah. Kenyataan-kenyataan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini mengingatkan Kerajaan tentang bahaya inflasi dan recession dan juga kemiskinan kepada rancangan-rancangan pembangunan kita adalah amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih. Pandangan-pandangan yang baik akan diambil perhatian. Memanglah itu sentiasa ada dalam ingatan Kerajaan. Kesan-kesan inflasi dan recession dapat dibatasi hanya dengan kerjasama segala lapisan rakyat, bukan hanya dengan usaha dan langkah-langkah Kerajaan sahaja. Sudah tentu keadaan kemelesetan kelak akan menimbulkan masalah-masalah dalam bidang-bidang politik, ekonomi dan sosial, tetapi pembangunan akan dijalankan terus kerana pembangunan adalah satu commitment, satu ikatan janji yang telah kita tunaikan sejak kemerdekaan lagi.

(*Dengan izin*) Sir, I feel that I have to make a part of my speech in English because I consider this rather important and I would like to repeat some of the things I said in Malay just now in English and also add a few things I purposely omitted from the Malay text of my speech.

Mr President, Sir, the Communists won control of China because they fought a war of liberation against foreign aggression and concessions in China. If there was no Marco Polo Bridge incident, if there was no Japanese invasion of China, if there was no American military intervention in China to prop up the Chiang Kai-shek regime, China would not have gone Communist.

Poverty alone is not the decisive factor for any country to come under Communist control. If it were so, then the whole of the under-developed world would have gone Communist, the whole of Africa would have had Communist regimes and the whole of West Asia would have had at least Marxist or Leninist governments. In Burma, the revolutionaries are completely committed to the thoughts of Mao Tse-tung. For some 22 years, the various shades of Communist parties in Burma fought an armed struggle against the legally constituted Government of Burma, and yet Burma is still a non-Communist socialist nation. And just look at our own experience—the Communists have been fighting us continuously since 1948, and we are not giving way or succumbing to them, nor will we ever be if we continue to be vigilant always, and I am sure we will continue to have policies that meet the approval of the majority of our multi-racial people. I am sure the Burmese, like us, would rather live in want and privation so long as their country remains free. Subjectively, the failure of the Communists in Burma as in Malaysia to gain control of the country could be explained by factors other than poverty—perhaps, the errors in strategy and tactics and so on. But, objectively, the main reason for the Communist failure to gain power in Burma or in Malaysia is because Burma, like us, is free from foreign troops, free from foreign bases, and the Government follows a strictly neutral foreign policy.

The Communists can only gain control over a country or a nation or a people if they assume the mantle of patriots, waging a

patriotic war against foreign aggression and an alien domination of defence of the nation's independence and sovereignty.

Poverty need not necessarily bring about the spectre of communist domination. Poverty, on the other hand, can also give rise to other obscurantist forces. Fascism arose out of the impoverishment of Germany following the defeat of the German people in World War I. The landlords in China carved up the country into their own spheres of control; they kept private armies; they collaborated with the Japanese invaders; they threatened the unity and sovereignty of the Chinese Republic.

If there were no Japanese invasion, if there were no American troops or bases in China, Mao Tse-tung might still be living in the caves of Yen-an today. Mao divided his revolution into two stages: first a patriotic war against the Japanese and the American-Chiang Kai-shek clique, then a socialist revolution to supplant the feudal, colonial system of the then China. He fought a war of liberation to free China from foreign domination, uniting the various classes in China into a united national front against imperialism. Now he is still fighting a class war, a class struggle, to establish his "dictatorship of the proletariat."

There are no foreign bases in Malaysia; our Prime Minister, Tun Abdul Razak is no lackey to any foreign power. Tun Abdul Razak resisted strong pressures to establish our Independence. Some foreign countries tried their best to pressure us not to vote for the admission of China into the United Nations in 1971, but they failed because Tun Abdul Razak told them that we decided our own foreign policy. We are a member of the non-aligned world and Malaysia is strictly neutral in its foreign policy and we are an independent.

Tuan Abdul Samad bin Osman: On a point of clarification, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab atas soalan siapa? Saya ingat ia jawab atas soalan yang dibangkitkan oleh Ahli, tetapi ia memberikan jawapan, saya pun tidak tahu.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara yang saya jawab ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat

Senator Raja Nong Chik bin Raja Ishak; barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak ada di dalam Dewan pada masa itu. (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, minta maaf kerana terganggu sedikit, tetapi baguslah beliau punctuated my thoughts.

We are an independent, sovereign nation dedicated to peace in the world, and we have established relations with the People's Republic of China, and we are committed to bring about prosperity to our people.

There are, of course, landlords in Malaysia but there is also a very strong peasant movement and there are legislations to protect the interests of the peasantry. Gerakan petani ini ada di negeri Ahli Yang Berhormat yang duduk disebelah saya semalam, dan yang bertanya saya sebentar tadi. We have launched development plans aimed at enhancing the livelihood of the people in the rural areas. The New Economic Policy has as its primary objective the eradication of poverty both in the rural areas as well as in the town areas.

We have a freely elected Government responsible to the people. True, there is still poverty in this country both in urban as well as in rural areas, but our Government has been consciously waging a war against poverty since independence. We have established various agencies and institutions dedicated to ensure for the farmers and the fishermen a future free from want and privation.

In short, we represent the aspirations, the hopes and the ideals of the broad masses of our people in Malaysia, who seek to live in peace and prosperity in an independent, sovereign country, free from any foreign domination and we are pursuing a foreign policy of neutrality and friendship with other nations irrespective of their ideological differences and systems of government.

We are the patriots of this country, the nationalists of Malaysia, because our policies both internally and externally, coincide with the aspirations of our people.

4.15 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Penerangan, saya suka menyentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan semasa membahaskan Titah

Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Dewan Negara ini.

Pihak R.T.M. memang mengalu-alukan sebarang pendapat dan teguran yang konkrit terhadap rancangan-rancangannya. Yang sebenarnya, kami di R.T.M. sentiasa mengambil berat terhadap "public opinion" dan tiap-tiap "public opinion" itu dianalisa dan daripada "public opinion" itulah pihak R.T.M. membaiki programnya dari satu masa ke satu masa.

Walau bagaimanapun, "hukuman" yang dijatuhkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain ke atas TV adalah sangat berat apabila beliau mengatakan bahawa TV lah "guru" yang menjadi pelajaran keruntuhan moral.

Keruntuhan moral bukanlah disebabkan oleh TV semata-mata, tetapi cara mencegahnya banyak bergantung kepada asuhan ibu-bapa dan pelajaran agama kepada anak-anak kita. Pihak R.T.M. memang berusaha menunjukkan filem-filem yang bercorak "developmental" dan "educational" yang berasaskan kepada Rukunegara. Misalnya, dalam tahun 1975 ini, R.T.M. menitik-beratkan kepada program-program tempatan yang disulami dengan unsur-unsur:

- (i) social education,
 - (ii) civic education,
 - (iii) home economic, education,
 - (iv) consumers' education,
- dan yang penting sekali ialah "moral education".

Bagi filem-filem Inggeris pula maka semua yang disiarkan oleh TV itu sudah melalui dua tapisan,

- (i) tapisan yang dikelolakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dan
- (ii) tapisan di Kementerian Penerangan sendiri. Dengan lain-lain perkataan filem-filem yang diluluskan oleh Censorship Board itu tidak semestinya ditayangkan oleh TV Malaysia.

Dengan yang demikian, maka banyak pula yang membantah sikap Kementerian yang bersikap ketat dalam penapisan filem-filem Kementerian cuba seberapa yang boleh untuk mencari jalan tengah. Misalnya, babak "*cium kucup*" apabila dekat-dekat dengan

peristiwa cium itu, kita potong dan pemotongan itu ada yang suka dan ada yang tak suka. Mereka yang suka itu membantah kepada Kementerian Penerangan dan kami mengambil jalan tengah supaya perkara yang berlebih tidak dilakukan.

Usaha Kementerian Penerangan bukanlah hendak memberi kepuasan kepada semua pihak kerana usaha ini adalah mustahil, tetapi berusaha sedaya-upaya untuk memberi kepuasan kepada sebahagian besar rakyat, dan R.T.M. sentiasa mengambil berat terhadap "public opinion".

Yang sebenarnya, pihak R.T.M. pergi jauh lagi dari soal moral. R.T.M. juga tidak membenarkan filem-filem yang bercorak atau mengamalkan "Race Supremacy". Misalnya, filem Cowboy. R.T.M. berusaha menayangkan filem Cowboy yang mana "Red Indian" juga menjadi "Sheriff"-nya dan bukan orang kulit putih sahaja yang berhak menjadi Sheriff—bukan Sheriff Ahmad (*Ketawa*). R.T.M. tidak mahu filem-filem seperti itu, sungguh pun seronok menuntun, tetapi bercanggah dengan konsep hidup kita di Malaysia yang mengamalkan sifat "oneness" dan berbaik-baik sangka serta muhibbah antara rakyat yang berbilang keturunan.

Beralih pula kepada Yang Berhormat Senator Syed Omar bin Syed Hussain yang menyentuh siaran azan, dan beliau berpendapat "gambar-gambar yang ditunjukkan seperti orang naik motor-cycle, menitik-beratkan air paip mengambil air sembahyang adalah tidak sesuai dengan kehendak Ugama Islam." Yang sebenarnya, gambar azan ini dibuat dari satu masa ke satu masa. Ini ialah disebabkan "audience" kita jemu dan bosan dengan satu jenis gambar sahaja kalau kita terus tunjukkan filem itu juga. Filem-filem azan ini dibuat selepas mendapat nasihat dari Pegawai-pegawai Ugama di Ibu Kota dan juga Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Tujuan menunjukkan motor-cycle dan teksi atau kereta ialah apabila azan berbunyi, maka kereta-kereta dan motor-cycle itu berhenti dan pergi ke masjid yang dekat untuk menunaikan fardu sembahyang—itu tujuannya.

Berkenaan dengan mengambil air sembahyang dari paip itu tidaklah bercanggah dengan kehendak ugama Islam. Dan tujuan

kami berbuat demikian ialah untuk menunjukkan juga masjid-masjid dan surau-sarau di kampung-kampung hampir semua menggunakan paip air, dan ini menunjukkan kemajuan kita telah berkembang di kampung-kampung di bawah rancangan pembangunan negara kita.

Ada satu lagi jenis filem yang sebenarnya sedang dibuat berkenaan dengan azan ini iaitu menunjukkan seseorang mengambil wudu atau membasuh air pada lima anggota tubuhnya dengan memberi tafsiran yang tepat kepada apa yang ditunjukkan itu. Filem ini sedang dibuat seperti saya katakan tadi kita mengubah filem ini dari satu masa ke satu masa mengikut keadaan, kerana kalau kita terus dengan satu filem sahaja boleh membosankan "audience" kita.

Akhirnya kepada Yang Berhormat Senator Zawiah binti Abdullah yang mendakwa Pegawai-pegawai Bahagian Hal Ehwal Khas memberi penerangan-penerangan yang tidak begitu effective. Di sini sukalah saya hendak memaklumkan bahawa latihan akan diberi kepada mereka itu dari satu masa ke satu masa supaya dapat diberi bahan-bahan ucapan atau bahan-bahan penerangan yang up-to-date dari satu masa ke satu masa mengikut perubahan-perubahan polisi dan polisi-polisi baru yang dilancarkan oleh Kerajaan kita. Pada keseluruhannya pihak R.T.M. memang mengucapkan terima kasih kepada pihak yang mengambil berat yang memberikan teguran samada di dalam atau di luar Dewan. Insya Allah, daripada teguran dan public opinion itulah bagi kami dapat memperbaiki siaran-siaran dan program kita. Kita semua maklum membuat program R.T.M. ini bolehlah kalau saya ibaratkan seperti orang kenduri. Kalau kita kenduri nikah-kahwin, memotong kerbau 10 ekor sekali pun tetapi akhirnya diumpat orang juga. Begitu jugalah kita membuat program TV ini. Satu program itu mengambil masa 2 atau 3 bulan, tetapi disiarkan program itu dalam masa 30 minit atau $\frac{1}{2}$ jam, tetapi teguran dan kecaman atau criticism datang di keliling pinggang.

4.34 ptg.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ber-banyak terima kasih dan menyatakan rasa

penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran dan cadangan-cadangan mengenai perkara-perkara di bawah Kementerian Tanah dan Galian.

Yang Berhormat Senator Datuk Chan Kwong Hon telah mencadangkan supaya diadakan hubungan yang rapat di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri bagi mempercepatkan pengeluaran tanah untuk petani. Perkara ini telahpun disentuh ataupun dijawab sebahagiannya oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi. Dan selain dari itu, saya suka menyatakan sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum bahawa mengikut Perlembagaan perkara tanah adalah di bawah kuasa Negeri. Walau bagaimanapun, untuk menyelaraskan perkara ini perhubungan di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri selalu diadakan melalui mesyuarat. Mesyuarat-mesyuarat perhubungan di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri sering diadakan untuk membincangkan beberapa perkara berhubung dengan dasar atau policy yang bukan sahaja mengenai pentadbiran dan pengeluaran tanah. Tetapi juga perkara-perkara lain yang berkaitan. Selain daripada mesyuarat perhubungan itu, mesyuarat Pengarah-pengarah Tanah dan Galian yang diwakili oleh tiap-tiap buah negeri bagi membincangkan perkara ini berhubung dengan pentadbiran dan pengeluaran tanah oleh Kerajaan Negeri-negeri juga diadakan.

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Perlembagaan juga Mesyuarat Majlis Tanah Negara yang Ahli-ahlinya dianggotai oleh semua Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri di dalam Malaysia. Selain daripada beberapa Menteri-menteri Persekutuan, hendaklah juga diadakan sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap tahun. Dan mesyuarat ini adalah khas untuk membincangkan masalah-masalah atau dasar-dasar mengenai dengan pentadbiran tanah dan pengeluaran tanah oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Mengikut ketetapan itu Kementerian saya pada tiap-tiap tahun telah mengadakan mesyuarat itu. Dalam mesyuarat itu perkara-perkara yang menyentuh dasar pentadbiran tanah dan pengeluaran tanah telah dibincangkan dan diambil keputusan. Cadangan-cadangan terhadap sesuatu perkara berhubung dengan pentadbiran dan pengeluaran

tanah itu bukan sahaja dibuat oleh pihak Kerajaan Pusat akan tetapi juga oleh Kerajaan Negeri. Mana-mana keputusan yang dibuat dalam mesyuarat ini adalah diperseetujui oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi arahan kepada semua Kerajaan-kerajaan Negeri supaya memberi tanah secara berkelompok (block alienation). Dengan cara ini pengeluaran tanah kepada rakyat akan dapat dipercepatkan selaras dengan kempen menanam bahan-bahan makanan di seluruh negara mengikut arahan Buku Hijau.

Kementerian Tanah dan Galian sentiasa mengambil perhatian yang arahan itu dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Mengenai dengan pengeluaran tanah oleh ejensi-ejensi Kerajaan Pusat dan juga oleh ejensi-ejensi Kerajaan Negeri ini bukan hanya dikhaskan untuk rakyat dari satu kaum sahaja, bahkan untuk semua golongan rakyat dari semua keturunan. Masalah kekurangan sambutan dari sesuatu kaum itu untuk menyertai rancangan tanah yang diusahakan oleh Kerajaan adalah satu masalah yang perlu diberi perhatian bersama oleh semua pihak. Dan bagi mengatasi masalah ini sekarang maka jelas kepada semua pihak yang berkenaan, terutama pemimpin-pemimpin kita untuk menyedarkan mereka itu supaya sambutan yang baik diberi kepada rancangan tanah yang dibuka oleh Kerajaan di negara ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Chan Kwong Hon telah juga menyatakan kebimbangannya mengenai tin deposit yang berkurangan dalam negara kita ini dan telah mencadangkan supaya Kerajaan sebelum meluluskan tanah, maka mestilah menentukan terlebih dahulu bahawa tanah yang dikeluarkan itu tidak terlibat dengan projek-projek ataupun pengeluaran hasil bumi di masa hadapan. Mengenai cadangan ini sukacita saya nyatakan iaitu mengikut amalan Kementerian Tanah dan Galian, kelulusan daripada Jabatan Galian yang mengesahkan bahawa tanah itu tidak mengandungi hasil bumi yang dapat dikerjakan kelak mestilah didapati terlebih dahulu sebelum tanah diberi kebenaran untuk satu-satu projek, terutama sekali tanah-tanah yang berdekatan dengan lombong. Saya rasa tidak perlu Ahli Yang Berhormat itu bimbang atas perkara ini.

Selain dari itu Kerajaan Negeri adalah diminta mengkaji mengenai kuasa meluluskan sesuatu permohonan tanah itu selaras dengan pelan induk Rancangan Pembangunan Negeri masing-masing. Dengan adanya penyelarasan kuasa itu nanti tanah-tanah yang akan diluluskan itu akan dikaji dan ditimbang dengan teliti dan sekiranya didapati tidak bercanggah dengan rancangan Kerajaan ataupun lain-lain perusahaan akan datang barulah tanah itu akan dikeluarkan.

Kementerian Tanah dan Galian juga telah meminta Kerajaan-kerajaan Negeri supaya pelan induk Rancangan Pembangunan Negeri dapat disediakan dan dijadikan asas atau perbaruan dalam menimbangkan sesuatu permohonan untuk diluluskan.

Mengikut peraturan yang dijalankan sekarang ini mana-mana permohonan tanah untuk apa-apa kegunaan baik kegunaan perlombongan, bijih, pertanian dan lain-lain lagi adalah dirojok kepada beberapa Jabatan yang tertentu yang berkaitan. Pandangan-pandangan atau komen-komen dari Jabatan-jabatan yang berkenaan itu adalah dijadikan suatu panduan untuk timbangan samada sesuatu permohonan itu dapat diluluskan atau sebaliknya. Begitulah juga keadaannya dengan permohonan tanah untuk tujuan perlombongan dan untuk tujuan-tujuan lain di mana tanah itu berdekatan dengan lombong.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat bahawa perlombong-perlombong akan sedia untuk menjalankan penyiasatan mengenai mineral potential atas satu-satu kawasan dengan syarat pelombong-pelombong itu akan diberi jaminan ataupun assurance yang mereka akan dibenarkan melombong bijih-bijih itu jikalau mereka mendapatinya, maka perkara ini adalah kuasa Kerajaan Negeri. Walaupun demikian, saya telah difahamkan bahawa syarikat-syarikat lombong yang telah mendapat prospecting permit untuk menyiasat satu-satu kawasan itu maka kemungkinan bagi mereka mendapat lesen adalah baik. Mana-mana permohonan untuk perlombongan mestilah membuat permohonan mencarigali terlebih dahulu dan permohonan itu mestilah dimajukan kepada Jabatan Galian yang berkenaan untuk mendapat pandangan. Kerajaan akan menimbangkan atau meluluskan permohonan tersebut berasaskan pandangan yang diberi oleh Jabatan Galian.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub supaya FELDA segera membuka perkara projek-projek pembangunan tanah di Negeri Kelantan. Saya suka memaklumkan bahawa pada masa ini satu kajian yang rapi sedang dijalankan oleh Kementerian Tanah dan Galian dan FELDA bagi menentukan corak dan untuk rancangan FELDA yang sesuai untuk dilaksanakan dalam tiga kawasan Ulu Kelantan. Yang menjadi penghalang atau masaalah yang besar dalam pelaksanaan rancangan tanah di daerah Ulu Kelantan ialah dengan ketiadaan kawasan-kawasan yang luas yang sesuai, baik dari segi kesuburan tanah ataupun kecuraman tanah (terrain) terutama sekali bagi tanaman kelapa sawit. Sungguhpun daerah Ulu Kelantan meliputi satu kawasan yang luas, tetapi kawasan ini sangat berbukit-bukit dan terlalu berjauhan dari pusat-pusat yang telah dimajukan. Tambahan pula jalan-jalan masuk serta kemudahan-kemudahan lain didapati sangat-sangat tidak lengkap di kawasan ini sekarang. Dengan ini cost pembangunan tanah bagi kawasan Ulu Kelantan ialah jauh lebih besar berbanding dengan kawasan-kawasan yang lain.

Masaalah akan juga timbul apabila kawasan-kawasan ini mengeluarkan hasil kelak, sebab ianya terletak berjauhan daripada pelabuhan-pelabuhan yang menjadi tempat mengimpor pengeluaran rancangan. Walau bagaimanapun, Kementerian Tanah dan Galian akan cuba sedaya upaya bagi menubuhkan beberapa projek pembangunan tanah dalam kawasan ini dan akan berikhtiar mendapat bantuan-bantuan daripada Kerajaan supaya dapat juga kawasan yang terpencil dan terbiar itu dimajukan, kalau dapat, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditempoikkan selama 15 minit sekarang.

Persidangan ditempoikkan pada pukul 4.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.48 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

4.48 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab perkara yang dibangkitkan mengenai Kementerian saya, iaitu Kementerian Perusahaan Utama.

Saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr President, Sir, I thank all the Honourable Members who have shown interest in matters relevant to my Ministry, and I would like to take this opportunity to explain a number of points raised by them.

Regarding the comment made by Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar Hamzah, that about one-third of our palm oil is re-exported by Singapore, I am glad to clarify here that, although it is true that about 28% of our export of palm oil from Malaysia is shipped through Singapore by Malaysian producers, it is not true that this proportion of our palm oil is re-exported by Singapore exporters. I reiterate that this proportion is shipped through Singapore by Malaysian exporters using their bulking facilities located in Singapore. In 1974, only about 2% of the total export of Malaysian palm oil was bought by the Singaporeans. The remainder of our export amounting to 70% had been marketed direct to the consumer countries by the producers from Malaysia.

My Ministry is not aware that there is a country in the Mediterranean area which can buy palm oil from Japan cheaper than the present market price. However, it is the intention of the producers in Malaysia to sell palm oil at the best price possible.

Regarding the payment of arrears to the tobacco cultivators, as raised by the Honourable Senator Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakob, I would like to mention here that the National Tobacco Board is now in the process of preparing the payment due from the manufacturers as well as the curers arising out of the increase of tobacco prices as from 1st May, 1974. The Board expects to start paying a portion of the arrears within this month. The payment of these arrears to cultivators will be made through the Board and not through the curers. This is to ensure that the tobacco cultivators will receive the arrears on the sale of the green-leaf tobacco.

With regard to the comments made by Yang Berhormat Senator Dr Lim Ah Sitt and Senator Tuan Abdul Samad bin Osman, on the "rubber buffer stock scheme", I wish to state that my Minister, Datuk Musa Hitam, will be reporting to this House tomorrow, i.e. 10th of this month, the progress and recent development of the long-term and short-term measures to combat the decline of rubber prices since his announcement of such measures on the 28th of November, 1974 in the Dewan Rakyat. As such, I am not going to deal with this subject matter now.

But, Mr President, Sir, I only have this to say: What we are after are fair, just and stable rubber prices beneficial to both the natural rubber producing as well as the consuming countries. The present price levels of natural rubber are inconsistent with market potentials, consumer preferences and related synthetic rubber costs and prices.

To Yang Berhormat Senator Abdul Samad bin Osman, I would like to explain that the purpose of the accelerated replanting programmes in estates, whereby estates will be compelled to replant areas with productivity less than 800 kilogrammes per hectare within a period of 24 months, is to remove rubber from the unproductive field during the present period of depressed rubber prices. The newly replanted areas with good rubber clones will be more productive in rubber output in time to come to meet the anticipated increase in the world's demand for natural rubber. It is estimated by 1980 that the world demand of natural rubber will increase from the present 3.6 million tons to 6.0 million tons.

I am very glad to note that Yang Berhormat Senator Abdul Samad bin Osman and other Honourable Members have expressed their appreciation to all sectors in the rubber industry for their contributory roles in stabilising rubber prices—the estate sector as well as the workers; the smallholder sector and the exporter, dealer, remiller and packer sector.

Mr President, Sir, the estates have agreed to reduce their annual output by a certain tonnage calculated on an annual basis; the remillers and packers have agreed to stock up another sizeable amount as their share in the programme. The measures for the estates include the workers agreeing to

Seremban, tetapi di Ipoh kami telah menunggu beberapa lama masih lagi belum ada sebuah hospital yang baru?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta ulangi sekali lagi soalan itu.

Dr Lim Keng Yaik: Saya suka hendak mengetahui mengikut dasar apakah untuk membina hospital baru. Di Ipoh ramai orang dan hospital di Ipoh ada pakar yang lama, tetapi di Seremban dalam masa 3 tahun yang lepas telah dapat sebuah hospital baru manakala orang di Ipoh kena menunggu sangat lama, sekarang pun belum ada sebuah hospital yang baru serta tidak cukup kakitangan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa di Ipoh pun sudah ada hospital yang baru, tetapi belum siap lagi. Hospital yang dibina ini insya Allah akan siap pada tahun 1977, besar, tingginya barangkali 12 tingkat, begitulah (*Ketawa*).

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu, dalam masa tiga tahun kita boleh dapat sebuah hospital yang tinggi dan yang baik sekali, tetapi di dalam masa 10 tahun yang lepas kita tidak dapat sebuah hospital yang baru di Seremban sudah ada sebuah hospital yang baru. Adakah sebab orang-orang di Ipoh tidak baik, jahat, dan orang di Seremban baik dan menyokong Kerajaan atau mengikut dasar apa?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini apa yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa perkara itu tidaklah bermakna diskriminasi di antara orang-orang Ipoh dengan orang-orang Seremban, oleh kerana Seremban difikirkan mereka lebih berhajat, lebih mustahak barangkali maka dibuat di sana dahulu, dan mungkin juga orang Ipoh lebih sihat daripada Seremban maka mereka dapat hospital ini terkemudian sedikit (*Ketawa*).

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri, saya nampak bangunan-bangunan Kerajaan kalau diestimatekan dalam setahun kadang-kadang dalam masa lapan bulan sudah siap, kadang-kadang apabila diestimate setahun boleh jadi dua tahun. Jadi bangunan di Ipoh, saya

selalu dengar hendak dibuat. Pada bulan yang lepas saya ada pergi ke Ipoh, saya lihat foundationnya sudah ada, kemudian bila saya pergi lagi foundation itu juga. Di lain tempat, saya nampak bangunan-bangunan Kerajaan telah siap dua hingga empat tingkat. Dasar apakah ini? Adakah di Ipoh barangkali dasarnya berlainan atau bagaimana? Ipoh adalah sebuah bandar yang besar, penduduknya ramai. Saya selalu nampak orang-orang pergi ke hospital dan hospital itu kotor. Kalau kita tidak cagak barangkali mereka tidak buat, doktor tidak mahu beri ubat. Kalau sekiranya kita komplek, kita dapat susah. Sekiranya ada apa-apa surat dihantar kepada Kementerian, bilakah boleh siap?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab jadi bahawa Hospital Besar Ipoh yang baru akan siap pada bulan Mei, 1977.

KENDERAAN—MENAIKKAN HAD UMUR PEMANDU

5. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bahawa memandangkan bertambahnya bilangan kemalangan motor yang berlaku sekarang, adakah Menteri akan menimbang dengan seriusnya:

- (a) menaikkan had umur yang layak ke atas semua pemandu-pemandu kenderaan dari 18 ke 20 tahun;
- (b) meninggikan mutu peperiksaan yang layak untuk semua pemandu-pemandu "L" dan menentukan bahawa semua lesen-lesen pemandu hanya diberi setelah lulus peperiksaan yang benar-benar dan teliti;
- (c) menimbangkan semula kelayakan, kelakuan dan kejujuran pemeriksa-pemeriksa kenderaan supaya membolehkan semua pemeriksa-pemeriksa menjalankan tugas-tugasnya dengan setia, jujur, cekap tanpa takut atau tunjuk kasih; dan
- (d) mengesyorkan semula permulaan sistem peraturan lalu-lintas yang mudah dan cekap untuk bertindak ke atas orang-orang yang melakukan kesalahan atas peraturan lalu-lintas yang berlaku setiap hari supaya orang-orang yang melakukan kesalahan itu dapat ditahan dan didenda serta-merta oleh

the two weeks tapping holidays and compulsory Sunday rest. In order not to disrupt the income of the smallholders because of the obvious socio-economic implications, they can continue with tapping as usual.

As a contribution to the smallholders the Government undertakes direct purchase of a certain tonnage of the smallholders' rubber through the Government purchasing agents. Here, I would like to stress that the present policy of the Government's rubber purchase is to buy rubber from the smallholders only when the prices are low, with a view to stabilising the rubber prices at more reasonable and equitable levels.

Mr President, Sir, the implementation of the national crash programme reflects in no uncertain terms the "social consciousness" of all Malaysians in the rubber industry towards nation building. And here I am very proud to say that all sectors of the rubber industry have responded positively in this effort as their contribution towards the economic, social and political stability of our nation.

5.07 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid):

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan Titah Ucapan Di-Raja dua hari yang lalu.

Mula-mulanya saya ingin menyentuh atas perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak Hussin yang mencadangkan supaya Pasukan Kejuruteraan Angkatan Tentera digunakan untuk membina jalan di antara Karak dan Kuala Kerau untuk mengawal kegiatan anasiran-anasir kominis di kawasan itu. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu atas cadangan beliau, tetapi dalam perkara ini tugas Pasukan Jurutera yang utama ialah membantu tentera dalam tugas operasi. Walau bagaimanapun, di mana ada kemampuan pasukan itu juga pernah menjalankan projek-projek sivik seperti membina jalan, jambatan, surau, sekolah dan sebagainya di kawasan-kawasan pendalaman khususnya di mana Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain tidak dapat melaksanakan projek-projek seperti itu. Jadi tidaklah benar apa

yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa Bahagian Kejuruteraan ada nama sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Raja Nong Chik berkaitan dengan bekas perajurit yang kata beliau kebanyakannya bekerja sebagai jaga di syarikat-syarikat dan di bank-bank. Saya suka menerangkan bahawa kenyataan itu tidak begitu benar, kerana ada juga ramai bekas-bekas perajurit membuat jenis-jenis pekerjaan yang lain seperti berniaga, peneroka di rancangan-rancangan tanah dan yang bekerja di Jabatan-jabatan Kerajaan. Sebenarnya, dalam perkara mendapatkan pekerjaan ini ada beberapa faktor yang memainkan peranan yang penting, antaranya ialah minat seseorang dan juga kemahiran dan kelulusan seseorang itu termasuk keperluan tenaga dalam satu-satu bidang yang tertentu.

Kementerian saya telah menjalankan rancangan latihan vokesyenal, teknikal, pertanian dan perternakan serta berniaga untuk memberi peluang kepada bekas-bekas perajurit mendapatkan kemahiran. Walau bagaimanapun, terpulanglah kepada bekas perajurit yang berkenaan untuk menggunakan dengan sepenuhnya peluang-peluang itu.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Raja Nong Chik supaya sebuah syarikat gergasi ditubuhkan khas untuk bekas perajurit, pada pendapat saya perkara ini terpulanglah kepada bekas-bekas perajurit itu sendiri atau persatuan mereka untuk menimbangkannya. Sepanjang yang saya ketahui, ramai juga bekas-bekas perajurit yang telah menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan telahpun menyertai dalam tawaran-tawaran Kementerian Pertahanan. Ada di antara mereka yang telah berjaya mendapat kontrak dengan Kementerian saya.

Akhirnya, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perhatian dan cadangan-cadangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya.

5.13 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah menyentuh masalah pelajaran semasa membahaskan Titah Ucapan Di-Raja.

Mula-mulanya saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat Tuan T. S. Gabriel mengenai masalah kekurangan alat-alat tulis dan buku-buku teks yang terdapat menjelang tahun 1975. Masalah yang sama telah juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Mansor Mohamad. Saya menyedari kekurangan ini, akan tetapi masalah ini diharapkan akan dapat diatasi menjelang hujung bulan ini. Dalam pada itu, saya suka menyebutkan bahawa mungkin akan timbul beberapa masalah di luar kawalan Kementerian yang boleh menyebabkan kelambatan bekalan buku-buku teks tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya ini berlaku ianya tidaklah akan menghalang murid-murid sekolah untuk meneruskan pelajaran mereka.

Mengenai perkara kebocoran soalan Kertas Bahasa Malaysia di dalam peperiksaan SPM/MCE baru-baru ini, langkah-langkah keselamatan yang lebih rapi akan diambil untuk mengelakkan daripada berulangnya kejadian kebocoran seperti demikian. Saya tidak fikir langkah-langkah ini patut didedahkan kerana ini akan hanya melemahkan sistem kawalan itu sendiri. Perkara-perkara lain mengenai kebocoran ini sedang di dalam tindakan mahkamah. Tidaklah wajar perkara yang sedang di dalam tindakan mahkamah ini dipersoalkan dalam Dewan ini.

Yang Berhormat Puan Zawiah binti Abdullah membangkitkan masalah kekurangan guru-guru terlatih di Trengganu lebih-lebih lagi di daerah luarbandar. Kementerian Pelajaran menyedari bahawa peratusan guru-guru yang terlatih di Trengganu dan di beberapa negeri lain adalah tinggi. Tindakan telah dan sedang diambil untuk menghantar lebih ramai guru-guru terlatih ke negeri-negeri tersebut.

Mengenai kekurangan guru-guru pada amnya masalah ini tidaklah dapat diatasi dalam masa yang singkat. Kementerian Pelajaran ada rancangan untuk membina 4 buah lagi maktab perguruan baru di dalam Rancangan Malaysia Ketiga sebagai tambahan kepada maktab-maktab Perguruan yang ada sekarang. Dengan pembinaan empat buah maktab baru ini, adalah diharapkan supaya masalah kekurangan guru akan dapat diatasi.

Menyentuh perkara kekurangan alat-alat pengajaran sains di sekolah-sekolah luarbandar, memanglah menjadi hasrat Kementerian Pelajaran untuk menambah lagi kemudahan alat-alat pengajaran sains dan malahan kemudahan-kemudahan lain di sekolah-sekolah di kawasan luarbandar. Usaha-usaha ke arah matlamat ini telah dan sedang dijalankan. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat tersebut di atas sokongannya terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran.

Yang Berhormat Tuan Chua Ching Cheng membangkitkan perkara demonstrasi pelajar-pelajar yaysan pelajaran tinggi. Kementerian Pelajaran mengucapkan terima kasih di atas perhatian beliau terhadap masalah pelajar-pelajar ini. Kerajaan memang sedang mengkaji masalah ini dan langkah-langkah akan diambil untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti pelajar ini tidak akan menghalang usaha Kerajaan untuk mengujudkan perpaduan negara kita.

Yang Berhormat Senator Datuk Mansor Mohamad menyentuh tentang pengedaran buku-buku teks oleh beberapa penerbit yang telah tidak memberi peluang kepada pekedai-pekedai sahabat bumiputra kita untuk mengedarkan buku-buku terbitan mereka. Kementerian Pelajaran tidaklah dapat memaksa penerbit-penerbit tersebut supaya mengedarkan buku-buku melalui pekedai-pekedai buku bumiputra. Walau bagaimanapun, Kementerian ini telah meminta kerjasama penerbit-penerbit tersebut supaya memberi peluang kepada pekedai-pekedai buku bumiputra mengedarkan buku-buku yang mereka terbitkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh berkenaan Kementerian Pelajaran, Cadangan-cadangan, syor-syor, pandangan-pandangan dan komen-komen daripada Ahli-ahli Yang Berhormat adalah diambil perhatian. Kementerian Pelajaran menyedari bahawa banyak lagi yang masih perlu diselesaikan dan dilaksanakan. Akan tetapi, dengan sokongan dan kerjasama semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan seluruh rakyat di negara kita ini usaha Kementerian Pelajaran moga-moga akan beroleh kejayaan.

5.18 *ptg.*

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Cik Saudah binti Haji Othman, Senator Puan Dasimah Dasir dan Senator Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob yang telah membangkitkan beberapa masalah terhadap perkara perumahan.

Yang Berhormat Senator Cik Tom Saudah binti Haji Othman telah mengesyorkan supaya bilangan perumahan diperbanyakkan lagi. Saya ingin memberitahu Yang Berhormat bahawa di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua, peruntukan sebanyak \$85.24 juta telah diluluskan untuk pelaksanaan rancangan-rancangan perumahan awam di Semenanjung Malaysia. Peruntukan sebanyak \$8 juta telah diluluskan untuk Negeri Sabah dan peruntukan sebanyak \$5 juta bagi Negeri Sarawak. Bilangan unit yang telah disiapkan dalam tahun 1971 hingga 1974 ialah 9,303. Di samping ini juga saya ingin memberitahu ada juga agensi-agensi Kerajaan yang lain yang juga menyelenggarakan pelaksanaan rancangan-rancangan perumahan awam seperti UDA, FELCRA, J.K.R., Polis, MARA, Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan dan lain-lain.

Yang Berhormat Senator Puan Dasimah Dasir telah mencadangkan supaya Kerajaan mendirikan rumah papan dengan harga murah supaya orang miskin dapat menduduki rumahnya sendiri. Saya ingin memberitahu Yang Berhormat dasar Kerajaan sekarang ialah mendirikan lebih banyak lagi rumah kayu di seluruh negara supaya harga rumah dapat diturunkan dan juga kita dapat menggunakan bahan-bahan binaan tempatan.

Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob berharap pelaksanaan perumahan dapat disegerakan. Beliau telah memberi contoh tanah kosong di Wilayah Persekutuan seperti di Kampung Maxwell, di Kampung Kuching, di Kepong Bahru dan Segambut, tanah-tanah lombong di Sungai Besi, tanah-tanah lombong di Batu Village dan Kinrara, Petaling. Saya ingin memberitahu Yang Berhormat bahawa Kementerian saya akan mengkaji perkara ini dengan lebih teliti lagi dan jika terdapat tanah-tanah kosong, maka

Kementerian saya akan berhubung dengan Dewan Bandaraya bagi maksud mendirikan rumah untuk pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah dan termasuk juga ahli-ahli dari Angkatan Tentera dan Polis.

Beliau juga menyatakan bahawa dalam pendirian rumah hanya orang-orang yang betul-betul tidak ada rumah diberi rumah. Saya ingin memberitahu Yang Berhormat bahawa dasar Kerajaan ialah memberi rumah murah kepada rakyat yang berpendapatan rendah dan yang tidak ada rumah seperti setinggan-setinggan, mangsa-mangsa banjir dan api, pekerja-pekerja yang bergaji kecil dan lain-lain lagi.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat.”

**MAHKAMAH UNIVERSITI
KEBANGSAAN MALAYSIA—
WAKIL SENATE**

5.24 *ptg.*

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan perenggan (k) (ii) Statut II “Jumaah” yang dibuat mengikut seksyen-seksyen-kecil (k) Seksyen 13 kepada Jadual Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 Dewan ini mencalonkan Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin menjadi wakilnya dalam Mahkamah Universiti Kebangsaan Malaysia selama tempoh tiga tahun.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan perenggan (k) (ii) Statut II "Jumaah" yang dibuat mengikut seksyen-seksyen-kecil (k) Seksyen 13 kepada Jadual Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 Dewan ini mencalonkan Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin menjadi wakilnya dalam Mahkamah Universiti Kebangsaan Malaysia selama tempoh tiga tahun.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1974)

Bacaan Kali Yang Kedua

5.26 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1974), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak seratus dua belas juta, tiga ratus dua puluh lapan ribu, sembilan ratus tiga belas ringgit (\$112,328,913) bagi perkhidmatan tahun 1974, yang tidak dapat diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus, 1974 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1974.

Dalam tambahan ini, peruntukan sebanyak empat puluh tiga perpuluhan lapan juta ringgit (\$43.8 juta) dikehendaki untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan membuat pembayaran balik kepada Kerajaan Negeri Sarawak berkaitan dengan royalti-royalti minyak yang diperolehi daripada minyak mentah "Continental Shelf" yang dibahagi bersama atas kadar 50-50; lima juta ringgit (\$5.0 juta) dikehendaki untuk menstabilkan harga barang-barang keperluan seperti tepung gandum dan susu pekat manis dengan memberi bantuan kepada syarikat-syarikat

pembuat barang-barang keperluan ini; tiga perpuluhan lima juta ringgit (\$3.5 juta) untuk membiayai pendahuluan sewa bagi tempat-tempat kediaman di Pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di Luar Negeri; lima juta ringgit (\$5.0 juta) sebagai peruntukan tambahan kepada Kumpulanwang Pendahuluan Kenderaan untuk membiayai bilangan pendahuluan-pendahuluan yang bertambah lagi yang telah diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan; lima puluh juta ringgit (\$50 juta) untuk diperuntukkan kepada Kumpulanwang Luar Jangka disebabkan oleh bertambahnya bilangan pendahuluan-pendahuluan yang telah dibuat kepada berbagai-bagai Agensi Kerajaan untuk membiayai perbelanjaan yang segera dan tidak diramalkan sebagaimana yang dialami pada tahun-tahun yang lepas. Yang lainnya adalah kecil jumlahnya dan diterangkan dengan lanjut di dalam Memorandum Perbendaharaan yang dikemukakan sebagai Kertas Perintah 17 tahun 1974.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.30 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun adalah memberi sokongan atas cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Dalam masalah Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1974), wang yang diminta untuk diluluskan telah dibelanjakan oleh Kementerian di bawah Kepala-kepala yang disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, gemar saya menyentuh secara am dalam pentadbiran tersebut semoga mendapat perhatian Kerajaan demi kepentingan negara.

Saya ingin menyentuh berhubung dengan Jabatan Perdana Menteri. Di Jabatan Perdana Menteri ini ada satu Lembaga atau agensi Kerajaan yang dinamakan Lembaga Padi dan Beras Negara. Sejak tiga tahun Lembaga ini berjalan adalah memuaskan tetapi satu perkara yang saya nampak patut diberi perhatian dalam Jabatan Perdana Menteri ini iaitu selama ini Lembaga tersebut

hanya mengeluarkan lesen-lesen beras runcit dan borong dan juga mengawasi kilang-kilang yang ada di dalam negara ini.

Satu perkara yang saya fikir patut Lembaga ini menambahkan yunitnya setelah memberi lesen pemborong kepada peniaga-peniaga khasnya, dan saya sangat besar hati bahawa telah didapati dalam agensi ini pada masa sekarang lebih ramai kedai-kedai runcit dan borong terdiri daripada bumiputra. Yang jadi masaalanya saya hendak katakan, Tuan Yang di-Pertua, walaupun lesen pemborong itu didapati oleh bumiputra, tetapi penjualan dan pengedaran beras kepada mereka itu adalah terhad. Saya hendak bertanya daripada Kerajaan kenapa Kerajaan tidak mahu memberi pemborong beras ini kepada Jabatan-jabatan Kerajaan yang tertentu seperti Jabatan Kesihatan, Jabatan Pertahanan dan lain-lain lagi yang pada masa sekarang Kerajaan hanya melayan kepada pemborong-pemborong yang lama. Kalau benar-benar Kerajaan hendak menolong bumiputra masalah ini patut diperhatikan. Saya mendapat tahu juga bahawa Perbendaharaan telah mengeluarkan tendernya dengan harga yang lebih daripada yang ditetapkan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara. Jadi, saya tidak tahulah samada ini ada sesuatu di dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh dalam masaalah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Belia negara kita ini kita akan letakkan tanggungjawabnya kepada mereka. Dengan keadaan ini kita telah dapat melihat mereka telah menerima tanggungjawab dan telah melaksanakan rancangan-rancangan Kerajaan dengan keadaan-keadaan di setengah-setengah kawasan adalah memberi puas hati. Selain daripada itu, kita juga sangat berbesar hati melihat belia-belia kita ini orang yang telah ter-pimpin, terlatih serta mengamalkan ajaran-ajaran Islam. Kalau kita pergi sembahyang Jumaat di Mesjid Negara kita akan tengok belia-belia kita yang berambut panjang yang lebih ramai datang bersembahyang Jumaat. Ini satu kesedaran atau perubahan yang telah didapati oleh belia-belia kita di dalam negeri ini. Dalam pada itu tidak juga saya menafikan ada belia-belia yang liar. Ini sudah menjadi tabii manusia. Walau macammanapun, belia dalam negara ini yang lebih ramai jumlahnya kita nampak mereka itu mahu menyambut seruan Kerajaan dan mereka

juga sama bertanggungjawab kepada negeri ini dan mereka juga sama-sama hendak merasai nikmat yang dibuat oleh Kerajaan pada masa ini dan juga pada masa yang akan datang.

Apa yang saya harapkan, Tuan Yang di-Pertua, kalau bahagian belia-belia itu telah ada di dalam negara kita ini kenapa Kerajaan tidak mahu menguntukkan sebuah bank khas untuk belia-belia itu. Dengan adanya bank khas untuk belia-belia ini, belia-belia kita melalui badan-badan sukarelanya dan badan-badan yang tertentu bolehlah membuat rancangan-rancangan yang boleh menguntungkan negeri ini, bolehlah menguntungkan belia-belia dan boleh membantu Kerajaan. Kerajaan seharusnya tidak patut melengah-lengahkan dalam masalah yang pada pandangan saya dalam memberikan peruntukkan untuk menubuhkan bank khas kepada belia-belia kita.

Saya juga rasa bangga bukan sahaja belia dalam negeri ini berani bertanggungjawab dalam pembangunan negara termasuk juga belia-beliawanisnya. Sebagai contoh, belia-beliawanis kami dalam negeri Johor telah membuat ladang kelapa sawit dengan tidak dicampuri oleh belia-belia. Mereka menanam kelapa sawit, berusaha dan duduk di situ dengan jayanya. Inilah satu perkara yang saya nampak perkembangan belia dan belia-wanis dalam negeri ini menunjukkan satu keadaan yang sihat. Maka di atas cadangan itu patut diberi perhatian oleh Kerajaan. Saya tahu bahawa belia-wanis yang di Bukit Memba di Johor itu pada masa sekarang dibiayai oleh Kerajaan Negeri, tetapi kita tahu ada belia-belia yang mahu berdiri di atas kaki sendiri. Kalau ada tanah-tanah yang diperolehi daripada Kerajaan mereka akan mengusahakan rancangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan pandangan dalam perkhidmatan am Perbendaharaan. Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak bahawa satu kejadian yang menyusahkan rakyat dalam negeri ini. Walaupun Perbendaharaan kita telah menjalankan berbagai-bagai langkah tetapi tidak dapat dikurangkan bahkan berterusan. Di antaranya, masaalah kekurangan duit shilling. Kekurangan duit shilling ini bukan sahaja orang ramai yang tidak dapat duit shilling ini, bahkan bank-bank dalam negeri ini juga. Bila mana kita pergi ke Bank Negara, Bank Negara kata dia

pun kekurangan wang shilling. Jadi, saya nampak kalau bank itu sukar hendak mendapatkan wang daripada Bank Negara kita, apatah lagi kepada rakyat yang ada masa sekarang bila mana hendak membeli barang baik di mana-mana juga tempat. Dahulu terjadi di Ipoh, sekarang sudah menyeluruh di seluruh Malaysia. Saya tidak tahulah keadaan di Sabah dan Sarawak. Apabila hendak membeli barang, pekedai akan tanya, ada duit shilling? Kalau kita, tidak ada, kita kena beli barang bernilai satu ringgit atau lima ringgit. Jadi beginilah kesusahan yang dihadapi oleh rakyat yang miskin, khususnya rakyat luar bandar. Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagikah?

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Panjang. Saya minta dengan kemurahan Tuan Yang di-Pertua untuk memberi saya 10 minit lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tolong pendekkan sedikit supaya Ahli lain dapat peluang pula bercakap.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Terima kasih, insya Allah. Dalam masaalah mencemarkan wang negara ini bukan sahaja mereka ini menyorok wang shilling. Pada masa dahulu sewaktu wang ringgit kita baru keluar, gambar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung yang terdapat di dalam wang kertas kita itu telah di conting-conting oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Misalnya dengan dibubuh misai dan sebagainya. Maka perkara itu, Kerajaan mesti mengemukakan satu Undang-undang yang menjadi satu kesalahan kepada manusia-manusia yang menyorokkan wang ini, dan dihadkan pada rakyat dalam negeri ini boleh menyimpan keadaan seberapa banyak wang shilling yang lebih daripada itu menjadi satu kesalahan. Kalau tidak ada undang-undang ini sentiasalah manusia ini mempermainkan Perbendaharaan kita. Ini yang saya kuarir bahawa wang-wang shilling ini mereka simpan dengan tujuan hendak mengukucar-kacirkan ekonomi negeri kita ini khususnya di Selatan Malaysia.

Wang shilling yang banyak ialah wang shilling Singapura, dan wang Singapura masih ciedarkan di Selatan iaitu di Negeri

Johor. Banyak wang shilling dan wang kertas daripada Singapura lepas ke tangan rakyat Malaysia. Bila rakyat Malaysia hendak membeli-belah pekedai tidak mahu wang Singapura, hatta pejabat Kerajaan tidak mahu wang Singapura, tetapi wang Singapura lepas ke tangan rakyat. Saya kuarir wang shilling kita ini juga telah disimpan oleh orang dalam negeri ini untuk dihantar ke Singapura. Jadi, dengan keadaan yang semacam ini satu undang-undang patut kita adakan dalam masaalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak bercakap dalam Kementerian Luar Negeri. Dalam Kementerian Luar Negeri ini ada satu perkara yang patut diambil perhatian dengan serious oleh Kerajaan negeri ini berhubung dengan Selat Melaka. Kita patut memberi sokongan kepada cadangan yang akan dibuat oleh Indonesia iaitu mengharamkan kapal-kapal minyak yang besar belayar di Selat Melaka. Malaysia dan Indonesia memandang berat hal ini, kecuali Singapura sahaja yang tidak berapa gemar atas cadangan daripada Malaysia dan Indonesia. Kalau kita tidak adakan undang-undang yang semacam ini, di satu masa yang akan datang beberapa kali akan berulang apa yang berlaku pada hari ini iaitu kapal Jepun yang bernama "Showa Maru" telah terkandas di Lautan Melaka dan Indonesia telah memuntahkan minyaknya. Mengikut kata Yang Berhormat Peguam Negara minyak yang muntah baru dua petak sahaja sudah melepiah ke kawasan Johor dan Singapura dan minyak ini bukan sahaja mengotorkan laut.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: On a point of order. Pada pendapat saya perbincangan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini tertumpu kepada perkara yang telah dibelanjakan, ini bukan Supply Bill atau Budget. Kita kena bercakap berpandukan kepada Kertas-kertas Perintah. Kalau Yang Berhormat bercakap berasaskan Kertas Perintah, saya boleh juga dapat faedahnya, tetapi nampaknya beliau bercakap secara am.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Benar. Ahli Yang Berhormat boleh menyentuh perkara yang ada dalam Kertas Perintah sahaja.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam Kepala B. 22—Kementerian Luar Negeri. Walaupun saya tidak bercakap detail, tetapi saya bercakap secara am. Kalau Yang Berhormat rakan sejawat saya hendak mengikuti ucapan saya itu sangat baiklah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap tadi atas on a point of order.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Saya tidak beri jalan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: On a point of order!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: On a point of order, mesti beri jalan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya minta fatwa daripada Tuan Yang di-Pertua iaitu perbahasan Perbekalan Tambahan kita tidak boleh bercakap secara umum. Kita kena bercakap mengikut Kertas Perintah. Jadi saya minta Ahli Yang Berhormat kalau bercakap mengikut Kertas Perintah supaya saya tumpang mengerti. Ini bukan perbahasan Budget. Saya minta ruling daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Memang benar.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati perintah Tuan, tetapi bagaimanapun saya minta izin bercakap sedikit kerana perkara ini ialah satu perkara yang sangat penting pada masa sekarang dihadapi oleh negara ini. Kesempatan ini kami hendak gunakan di Dewan yang mulia ini demi untuk kebaikan.

Saya berterima kasih kepada Tuan, kerana membenarkan saya bercakap daripada awal sampai ditegurkan oleh Ahli Yang Berhormat yang begitu gelisah, kerana takut tidak boleh bercakap, sebab saya bercakap lama. Itulah sahaja pendapat saya yang saya fikir patut diberikan perhatian oleh Kerajaan khususnya dalam perkara Kementerian Luar Negeri.

5.43 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Timbalan Menteri Kewangan menjawab, saya hendak mengambil bahagian menjawab dua perkara yang

dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Beliau mencadangkan supaya diadakan undang-undang yang menjadi kesalahan menyimpan wang shilling yang lebih daripada yang kita akan tetapkan. Misalnya, \$5 atau \$10, lebih daripada itu disimpan menjadi satu kesalahan. Tujuannya ialah wang shilling sekiranya keluar selalu dan digunakan adalah menjadi kesusahan kepada orang ramai. Kita mesti fikirkan juga adakah undang-undang ini sahaja ubatnya yang boleh menyembuhkan penyakit atas masaalah yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu. Pada pandangan saya kita tidak mustahak mengadakan undang-undang itu, sebab saya belum dengar dalam dunia ada orang menyimpan duit shilling menjadi satu kesalahan kerana lebih daripada had. Setahu saya semua negeri yang maju menyuruh orang menyimpan wang, dan wang shilling atau wang ringgit disimpan di dalam tabung di rumah untuk anaknya pergi ke sekolah. Sebulan atau dua bulan sekali tabung itu dibuka dan wang itu dimasukkan dalam bank.

Masaalah yang kedua bagaimana hendak melaksanakan undang-undang itu, berapa ramai pula pegawai atau polis hendak pergi ke tiap-tiap buah rumah memeriksa siapa yang menyimpan wang, mustahil mereka beritahu di mana simpan wang shilling. Jadi kalau undang-undang itu kita gubal dan diluluskan di Parlimen tidak dapat dilaksanakan. Saya fikir penerangan yang sebenarnya dapat kita mengatasi masaalah itu melalui radio dan T.V. dan di rapat-rapat umum oleh wakil-wakil rakyat mengatakan wang itu tidak boleh disimpan kerana ia bukan wang perak. Wang shilling 50 sen itu kalau dileburkan jauh kurang daripada 50 sen. Adalah menjadi kesalahan kepada orang yang mengatakan zaman inflasi ini wang kurang harganya kerana barang sudah mahal, dan mereka fikir simpan wang shilling itu boleh menguntungkan. Anggapan yang begitu adalah salah. Bila mereka tahu perkara ini satu kesalahan, mereka tidak simpan dan tidak ada beza dengan wang kertas. Mereka tidak menyimpan berlebihan. Saya fikir kekurangan yang berlaku sekarang ini ialah disebabkan ramai kanak-kanak kita galakkan menyimpan wang sedikit demi sedikit.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: On a point of order. Kalau saya tidak menegur maknanya saya tidak adil. Apa yang dicakapkan ini ialah di bawah Kementerian

Kewangan. Saya fikir Yang Berhormat Peguam Negara tidak mustahak mengambil masa memberi penerangan. (*Ketawa*).

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya minta Ahli Yang Berhormat itu baca sedikit peraturan dan lain-lain. Menteri ialah Kerajaan, walau apa Menteri sekalipun berhak bercakap dalam apa juga Kementerian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Betul.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak buat penjelasan supaya jangan silap faham. Saya tidak menegah atau hendak membangkang Menteri bercakap. Saya bangun on point of order tadi ialah perkara yang dicakapkan oleh Peguam Negara itu di bawah Jabatan Perdana Menteri, sedangkan perkara yang dibahaskan ini di bawah Kementerian Kewangan. Jadi, di dalam perbahasan Perbekalan Tambahan ini kita tentukanlah, kalau benda itu di bawah Jabatan Perdana Menteri, kita bercakap di bawah Jabatan Perdana Menteri, kalau kewangan di bawah Kementerian Kewangan. Itu yang saya maksudkan, bukan saya hendak menegah Menteri bercakap; saya suka Menteri bercakap (*Ketawa*).

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang jauh begini yang saya sudah jawab bagi Kementerian-kementerian yang lain, kadang-kadang jawapan dan soalan pun berhak saya menolong menjawabnya. Saya telah berunding terlebih dahulu dengan Kementerian yang berkenaan dan dengan kebenarannya, saya telah menjawab, walau Kementerian siapa juga. Kalau ada bantahan ialah dari sahabat saya iaitu Ahli-ahli Cabinet atau Timbalan Menteri yang berkenaan, bukan orang lain, itu hak saya.

Saya suka menerangkan di sini bahawa sungguhpun cadangan ini nampaknya bagus, tetapi Kerajaan tidak akan menimbang cadangan itu dan ditolak, sebab saya fikir sukar hendak dilaksanakan.

Berkenaan dengan minyak di laut, perkara itu juga telah disentuh. Kalau tidak dijawab sepatah dua pun adalah tidak betul, sebab telah dicakapkan sebelum Tuan Yang di-Pertua memberi fatwa ataupun perintah.

Bagi menjawabnya, Kerajaan sedar betapa besarnya masalah ini dan tidak menimbulkan apa-apa perkara walaupun kita ada mengambil tindakan yang sewajarnya. Perkara ini memang telah saya sebutkan dahulu dalam mesyuarat laut dan apa yang dibimbangkan telahpun berlaku sebagaimana yang saya sebutkan dalam ucapan saya di Caracas, South America, di mana kita telah ber-mesyuarat mengenai undang-undang laut dan di masa yang akan datang perkara ini akan saya bawa lagi apabila mesyuarat tersebut disambung semula di Geneva dalam bulan Mac tahun ini. Walau bagaimanapun, kita akan berunding dengan negara-negara sahabat kita iaitu Indonesia dan Singapura dengan Kerajaan Jepun dan sebagaimana kita tahu dalam akhbar, mereka akan datang kemari berunding atas perkara ini kerana mereka itu bimbang, cukup bimbang, kerana takut negeri-negeri yang di sekeliling Selat Melaka ini akan menahan kapal minyak mereka daripada melaluinya.

Itulah sahaja yang dapat saya berikan penerangan serba sedikit demi kepentingan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang suka mendengar ucapan saya (*Ketawa*).

5.53 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad yang telah memberi pandangan di atas beberapa perkara yang berbangkit dalam Dewan ini. Sebelum Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara memberi jawapan, saya memang telah ada berunding dengan rakan saya, oleh kerana bukan sahaja sebagai seorang Menteri, beliau juga ada berhak memberi jawapan dalam Dewan ini, bahkan sebagai seorang pakar undang-undang dan seorang Menteri yang sudahpun menghadiri persidangan antarabangsa berkaitan dengan Law of the Seas. Menteri yang berkenaan bersetuju supaya memberi jawapan atas dua perkara yang berkaitan dengan undang-undang iaitu menyorok duit syilling dan juga berkenaan dengan apa yang telah terjadi terhadap kapal minyak dari Jepun.

Saya hendak menyentuh atas dua tiga perkara sahaja iaitu satu berkenaan dengan bekalan beras kepada Jabatan-jabatan Kerajaan. Atas cadangan Yang Berhormat Datuk supaya Lembaga Padi dan Beras

Negara boleh memberi bekalan beras kepada Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan. Saya akan kaji dan berunding dengan Lembaga tersebut. Jika sekiranya Yang Berhormat Ahli Dewan ini ada kes-kes yang tertentu di mana penender-penender kepada Kerajaan telahpun menawarkan satu harga yang lebih daripada harga beras yang telah ditetapkan oleh Lembaga ini, saya harap bolehlah kita dapatkan butir-butir atas kes-kes tersebut dan saya akan mengkaji serta menyasiat perkara ini.

Tentang kekurangan duit shilling sebenarnya Kerajaan sedar dan Bank Negara Malaysia juga sedar bahawa adalah kesulitan yang timbul di dalam beberapa bulan yang lalu berkaitan dengan kekurangannya, tetapi walaupun ada tempat-tempat yang tertentu dapat kekurangan, saya tidak bersetuju bahawa kekurangan duit shilling ini adalah meliputi keseluruhan negara ini. Bank Negara pun telah mengambil tindakan supaya menambahkan lagi duit shilling dan saya harap masalah ini boleh diatasi pada masa yang akan datang.

Berkaitan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat ini supaya mengadakan satu bank khas untuk belia dan beliawanis, ini adalah satu cadangan baru dan berkaitan dengan dasar, samada Kerajaan patut menubuhkan sebuah bank khas untuk satu sector ataupun tidak. Tetapi saya tidak menafikan bahawa sumbangan yang telah diberi oleh dan beliawanis dalam pembangunan negara ini mesti kita akui. Cadangan ini akan dikaji oleh kerana ini adalah satu cadangan yang berkaitan dengan dasar.

Saya fikir tidak ada lagi apa-apa perkara yang timbul di dalam perbahasan ini yang patut saya beri jawapan pada setakat ini dan sebelum saya duduk, ingin saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan atas perkara ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ACARA KEWANGAN DAN KUMPULANWANG PEMBANGUNAN (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.00 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Akta Acara Kewangan dan Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan) (No. 2), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk membuat sedikit pindaan kepada Seksyen 13(6) Akta Acara Kewangan, 1957 dan Seksyen 7 Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966.

Dewan ini dalam sidangnyanya yang lepas dalam tahun 1974 telah meluluskan beberapa pindaan kepada Akta Acara Kewangan, 1957 dan Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 guna menubuhkan Sistem Perakaunan Tunai Ubahsuai. Pindaan-pindaan itu, malangnya didapati kurang nyata dan mungkin menimbulkan kekeliruan kepada agensi-agensi Kerajaan. Untuk mengelakkan terjadinya kekeliruan itu, pindaan-pindaan itu kenalah diperbaiki dan diperketatkan lagi seperti yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.03 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan ini kita hendak mengubah perkataan "after that month" kepada "during that month". Ini ertinya penutup kiraan itu mestilah dibuat di dalam bulan itu juga dan ertinya kita

tidak boleh lewat daripada bulan yang pertama tahun kewangan yang akan datang. Misalnya, kalau tahun kewangan kita itu bulan Disember, maka bulan yang pertama tahun hadapan iaitu Januari, itulah bulan yang mesti diselesaikan. Itu yang saya faham. Masalahnya di sini, Tuan Yang di-Pertua, ada Rang Undang-undang ataupun undang-undang di dalam negara kita ini yang membenarkan satu-satu badan itu mempunyai tahunan kiraan yang berlainan daripada Kerajaan. Misalnya, kalau tahun kewangan kita bulan Disember, tetapi yang sebenarnya bulan Mach. Ertinya bulan April tahun hadapan itu barulah bulan yang pertama bagi tahunnya, sedangkan pada kita ini bulan Januari itu bulan yang pertama. Misalnya, kita akan berjumpa dengan Rang Undang-undang Service Tax yang membenarkan begitu. Jadi, bagaimana Kementerian ini hendak menyesuaikan dan memberi perkiraannya itu sedang tahun kewangan kerajaan berlainan dan kerajaan juga membenarkan dan ada badan yang membolehkan tahun kewangan berlainan dengan Kerajaan sedangkan limitation of period yang diberi itu adalah bulan Januari juga ataupun pada bulan yang pertama.

6.06 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan di atas Rang Undang-undang ini. Sebenarnya Kerajaan hendak menukar akaun-akaun Kerajaan khasnya akaun-akaun di Jabatan-jabatan dan di Kementerian-kementerian Kerajaan, oleh kerana pengalaman kita yang lalu menunjukkan bahawa satu Kementerian ataupun satu Jabatan yang tertentu tidak dapat menutup semua kira-kira pada 31hb Disember di dalam satu tahun yang tertentu. Ini telah menimbulkan satu tradisi yang dinyatakan dalam bahasa Inggeris ialah "Christmas Shopping" supaya boleh menghabiskan semua peruntukan dalam tahun yang berkenaan. Oleh kerana Kerajaan memang tidak hendak menggalakkan Christmas Shopping tersebut, tujuan pindaan ini ialah supaya satu Jabatan yang berkenaan boleh menggunakan peruntukan selepas 31hb Disember. Pada fikiran saya ini tidak ada timbul masalah berkait dengan badan-badan yang lain, barangkali badan-badan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu ialah Badan-badan Berkanun di mana

ada Akta-akta yang tertentu yang mengawal badan-badan tersebut. Boleh jadi tahun kewangan (financial year) badan-badan itu tidak bersama dengan tahun kewangan (financial year) Kerajaan. Pada fikiran saya masalah ini tidak timbul.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.10 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951" dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951. Pindaan-pindaan tersebut adalah perlu untuk Kumpulan Wang tersebut berjalan dengan cekap dan berkesan.

Fasal 2 Rang Undang-undang tersebut merombak keahlian Lembaga di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Ahli Lembaga diambil daripada 3 kumpulan: iaitu Kerajaan, majikan dan pekerja. Untuk Lembaga di Semenanjung Malaysia, keahlian Lembaga telah dikurangkan daripada 18 kepada 9. Ahli ketiga-tiga kumpulan telah dikurangkan dengan sama, daripada 6

kepada 3 orang dari tiap-tiap kumpulan. Lembaga di Sabah dan Sarawak telah dikurangkan daripada 14 kepada 8. Pengerusinya, iaitu Ketua Setiausaha Perbendaharaan adalah umum kepada kedua-dua Lembaga. Ada seorang Timbalan Pengerusi, iaitu penduduk di sana, untuk membolehkan keputusan-keputusan dibuat dengan segera, apabila perlu. Ahli-ahli yang lain-lain ialah dari kedua-dua Kerajaan Negeri serta majikan dan pekerja di kedua-dua negeri. Keahlian mereka telah dikurangkan daripada 4 bagi tiap-tiap kumpulan kepada 2 bagi tiap-tiap kumpulan.

Pindaan ini dicadangkan kerana, dari pengalaman yang didapati, Lembaga yang besar merumitkan kerja dan tidaklah semestinya lebih cekap. Dengan itu adalah dirancang untuk membentuk satu Lembaga yang lebih kecil bagi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja supaya ianya dapat menjadi lebih cekap. Ahli-ahli Yang Berhormat barangkali ingat Lapuran Suruhanjaya Harun telah mencadangkan supaya bilangan ahli Lembaga dibataskan kepada 7, dan pengurangan bilangan ahli Lembaga adalah sejajar dengan pemikiran yang terbaharu mengenai pengurusan.

Pada masa sekarang ahli Lembaga adalah diambil daripada 3 kumpulan iaitu: Kerajaan, majikan dan pekerja. Kakitangan Kerajaan dilantik menjadi ahli Kumpulan Kerajaan manakala ahli dari 2 kumpulan lagi hanyalah mewakili majikan dan pekerja. Oleh itu, mungkin terjadi seorang yang mewakili majikan itu bukannya seorang majikan dan wakil pekerja bukan seorang pekerja. Keraguan ini telah dibetulkan sekarang. Ahli Lembaga dari kumpulan majikan dan pekerja tidak lagi dinyatakan sebagai "wakil" majikan atau "wakil" pekerja, tetapi mereka sendiri mestilah menjadi majikan atau pekerja sebelum dilantik. Ini tidaklah bermakna ahli Lembaga dari kumpulan pekerja ataupun kumpulan majikan tidak dapat mewakili kepentingan pekerja-pekerja atau majikan-majikan. Mereka ini, di samping melakukan apa sahaja yang boleh untuk kepentingan Lembaga, dapat mewakili kepentingan kumpulannya jika mereka mahu. Pindaan ini bermakna ahli Lembaga daripada Kumpulan majikan ialah seorang majikan yang boleh mewakili majikan yang tidak tersusun dan juga majikan yang tersusun; ini samalah juga dengan ahli

Lembaga dari kumpulan pekerja. Pindaan-pindaan ini bermakna Lembaga akan mendapat pandangan yang lebih luas daripada berbagai golongan pada masa hadapan.

Fasal 3 Rang Undang-undang tersebut meluaskan dasar pelaburan Lembaga, kerana ianya akan diberi kuasa membeli saham syarikat-syarikat yang dikenali sebagai "syarikat diluluskan" (approved Company) selain daripada memberi pinjaman kepadanya. Saya suka menerangkan di sini dasar pelaburan Lembaga bertujuan memastikan pulangan yang memuaskan ke atas pelaburan, seimbang dengan keselamatan pelaburan tersebut. Ini bermakna Lembaga tidak boleh melabur di dalam pelaburan yang tinggi pulangannya tetapi riskonya juga tinggi dan berbentuk spekulasi. Lembaga tidak boleh mengambil risiko ini kerana Lembaga ialah pemegang amanah bagi wang pencarum-pencarum.

Saya sukacita menyatakan bahawa mengikut petunjuk yang dikenakan, Lembaga masih dapat memberi satu kadar pulangan yang tinggi kepada kumpulan wang pencarum-pencarum. Saya suka mengisytiharkan bahawa Lembaga di Semenanjung Malaysia serta Lembaga di Sabah dan Sarawak telah meluluskan kadar faedah bagi tahun 1974 ialah 6.6% dibandingkan dengan kadar faedah yang diisytiharkan pada tahun 1973 iaitu 5.85% di Semenanjung Malaysia dan 5.25% bagi Sabah dan Sarawak, yang mana merupakan penunjuk terhadap usaha Lembaga yang memastikan pulangan yang memuaskan kepada pencarum-pencarum.

Fasal 4 mengadakan satu seksyen baru 4A, yang memperuntukkan perlantikan pegawai-pegawai dan kakitangan Lembaga. Pengurus Besar adalah dilantik oleh Menteri Kewangan, dan perlantikan Timbalan dan Penolong Pengurus Besar oleh Lembaga perlu mendapat kelulusan Menteri Kewangan.

Fasal 5 membolehkan kredit yang dipindahkan daripada kumpulan wang diluluskan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dikreditkan faedah walaupun kredit itu tidak dipindahkan pada permulaan tahun dilaksanakan. Fasal 6 memperuntukkan jika seseorang ahli telah mengeluarkan wang dalam kreditnya kerana ia tidak berupaya dari segi jasmani dan mental untuk terus bekerja, ia boleh menjadi ahli jika kemudiannya berupaya dan bekerja semula. Fasal 7 memansuhkan peruntukan dalam Ordinan tersebut

mengenai pengisytiharan kumpulan wang diluluskan, oleh sebab dasar Kerajaan tidak membenarkan pertubuhan mana-mana kumpulan wang diluluskan lagi, baik bagi sektor awam ataupun sektor swasta. Ini tidak meliputi kumpulan wang yang diluluskan yang sedia ada, dengan syarat mereka tidak mengambil ahli-ahli baru sebagai pencarum.

Fasal 8 membenarkan Menteri Kewangan membuat pindaan, dengan Perintah, kepada semua Jadual kepada Ordinan itu dan bukannya Jadual Pertama dan Kedua sahaja. Jadual ketiga berhubung dengan kadar caruman, dan kuasa mengubahnya hendaklah diberi kepada Menteri Kewangan. Perintah Menteri Kewangan untuk meminda ketiga-tiga Jadual masih dimestikan dibentangkan di Dewan dan akan hanya berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan dalam ketetapan Dewan yang meluluskan Perintah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.20 *ptg.*

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sepenuh-penuhnya di atas Rang Undang-undang ini. Saya menyokong oleh kerana ahli jawatankuasanya ataupun yang dikatakan menjadi amanah kepada pekerja-pekerja yang menyimpan wang ini adalah lebih bagus, kerana di Semenanjung Malaysia ini ianya mengandungi 9 orang sahaja, iaitu daripada Kerajaan 3 orang, majikan 3 orang dan pekerja 3 orang. Ini memang bagus dan lebih sedikit lebih bagus, kerana jikalau ramai kadang-kadang mereka ini tak datang, terutama sekali kalau dilantik dari kapitalis-kapitalis yang mereka itu banyak pekerjaannya, maka mereka tak datang langsung.

Saya mengingatkan bahawa wang-wang simpanan ini kepunyaan 85% daripadanya adalah terdiri dari pekerja-pekerja yang miskin yang bekerja di kilang-kilang. Wang

ini mestilah dijaga betul-betul oleh kerana pada masa dahulu satu kejadian telah berlaku, iaitu Hotel Merlin. Hotel Merlin Kuala Lumpur ini dipinjamkan wangnya dengan banyak daripada wang simpanan pekerja-pekerja ini untuk menegakkan sebesar-besar hotel kapitalis di Kuala Lumpur. Ini menjadi satu kehebohan kepada rakyat yang menyatakan, adakah Menteri bersetuju atas perkara ini atau tidak dari segi saham-saham. 9 orang ahli jawatankuasa membeli saham mengikut suka hati mereka yang mana Kerajaan tunjukkan boleh beli saham. Kalau rugi bagaimana? Adakah 9 orang ini bertanggungjawab, iaitu 3 orang daripada Kerajaan, 3 orang daripada majikan dan 3 orang daripada pekerja ini bertanggungjawab di atas wang-wang simpanan pekerja-pekerja yang miskin ini?

Saya harap bila Rang Undang-undang ini hendak diluluskan, sesudah dipersetujukan, tetapi dibawa balik kepada Menteri Kewangan untuk diluluskan samada boleh beli saham ini dengan dijamin bahawa harganya tak akan turun-turun lagi. Kalau begitu, saya bersetuju 100%, kalau tidak, maklumlah kejujuran ini ada, limitnya. Ada orang kejujurannya sampai \$10,000; ada kejujuran \$100,000; ada kejujuran \$1 million, tetapi ada manusia yang tak sampai kejujurannya 100%. Alangkah Nabi pun kadang-kadang, (saya bukan pak haji, tetapi pak lebai sahaja) kejujuran ini ada limitnya. Walaupun, barangkali Menteri yang bertanggungjawab boleh memegang satu negara terutama kewangan, dan beliau, saya percaya. Kalau pergi kepada Menteri, saham ini bagus. Hari ini dipinjamkan wang itu tak terlingkup—boleh. Kalau begitu, saya bersetuju 100% di atas perkara ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit. Ahli Yang Berhormat ini bimbang tentang kejujuran. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah ini satu presumption ataupun percakapan ini berdasarkan pengalaman atau experience?

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Ini presumption, tidak menuduh sesiapa tetapi takut-takut sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bercakap sedikit berkenaan dengan pekerja-pekerja yang menghadkan umur sampai 55 boleh bekerja. Di sini saya hendak mencelah sedikit berkenaan dengan pekerja-pekerja, terutama sekali buruh-buruh yang bekerja di kilang-kilang dan juga buruh-buruh kasar yang bekerja di Jabatan Kerajaan ataupun pegawai rendah yang bergaji \$100; \$200; \$300 mereka itu susah. Apa sebab susah? Sampai umurnya 50 tahun baharu boleh dikeluarkan 1/3 daripada duit simpanannya. Saya pun sudah tua, sampai umur 50 tahun dikeluarkan 1/3 duit simpanan saya, pada masa itu saya bekerja di Jabatab Kerajaan. Berapa saya dapat? \$2,500. Apa yang saya hendak beli? Rumah? Pondok ayam pun tak dapat sekarang ini. Dengan sebab itu bila meminjamkan wang ini kepada kapitalis besar untuk membuat hotel yang besar, saya ingat untuk membasmikan kemiskinan, untuk meninggikan taraf hidup rakyat, patut sekali Kementerian Kewangan ataupun kumpulan wang ini menimbangkan di atas meminjamkan wang-wang ini kepada pekerja-pekerja seperti ini daripada meminjamkan kepada syarikat yang besar-besar. Ini adalah syor saya, kadang-kadang Menteri ini marah sahaja, kalau syor datangnya daripada pihak di sebelah sini, tak betul sahaja, ada yang begitu. Jadi kalau sekiranya ini termasuk di akal, jangan pula nanti ditulis lain. Ada pegawai-pegawai mengambil notnya lain, apa yang saya cakap lain, diberi lain. Jadi Menteri sudah marah mengatakan ini begini. Haraplah pegawai yang bertanggungjawab itu mengambil betul-betul catitan apa yang dicakapkan oleh kerana ramai Senator-senator ataupun Ahli-ahli Parlimen bercakap lain, dijawabnya lain. Ini tidaklah patut rasa saya.

Apa yang saya katakan ini tujuannya bukanlah untuk saya, ini adalah yang simiskin kerana tujuan kita di dalam Kerajaan kita ini ialah untuk meninggikan taraf hidup orang-orang miskin supaya soal rumah di Kuala

Lumpur, soal rumah dalam pekan ini tak payah lagi Kerajaan mendirikan, buruh-buruh ini dapat mendirikan rumah-rumahnya dengan adanya wang simpanan ini. Oleh kerana saya nampak ramai kawan-kawan saya hendak bercakap, dan saya hanya tinggal dua minit lagi, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua berilah peluang untuk mereka bercakap.

6.28 *ptg.*

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam masaalah Bil ini walaupun tempoh dua minit sahaja lagi dan saya berterima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Raja Nong Chik, biarlah beliau bercakap panjang-panjang, orang lain bercakap sedikit-sedikit. (*Ketawa*)

Saya cuma hendak membangkitkan dua masaalah berhubung dengan E.P.F. ini.

Pertamanya, minta pertimbangan daripada Kerajaan supaya mengeluarkan wang itu jangan bertingkat-tingkat. Ada baiknya kalau dipertimbangkan sampai umur 50 tahun kesemua sekali wang yang ada itu dikeluarkan. Kalau mereka itu berkhidmat lagi 5 tahun, sambungan itu bolehlah disimpan dan sampai masa umurnya 55 tahun berilah pengeluaran kali yang kedua.

Pada masa ini bila sampai umur 50 tahun cuma dibenarkan 1/3 pada hal sebagaimana kata saya tadi rakyat yang miskin, kakitangan yang bergaji rendah pada mencapai umur 50 tahun itulah masanya patut diberikan sebelum tamat tempoh perkhidmatannya kalau-kalau boleh mendirikan pondok buruk daripada tampungan wang E.P.F. itu. Apabila mereka bersara atau berhenti dari perkhidmatannya meningkat umur 55 tahun ala kadar rumah limas telah ada untuk hendak melindungi hidup anak-anaknya daripada embun dan hujan.

Yang kedua, faedah yang diistiharkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi cuma 6.6% sama dengan peristiharan yang dibuat oleh simpanan faedah Pejabat

Pos, tetapi bunyi cara sahaja lain, di sana 6½%, di sini 6.6% lebih sedikit sahaja, Dengan sebab saya menyokong Bil ini pada mulanya. Mengecilkan bilangan Ahli Lembaga, saya fikir patut, sebab bila banyak sangat, orang payah berkira, jadi mengurangkan ahli ini adalah baik, tambahan bila sudah disedikitkan tentulah kita dapat memilih orang-orang yang betul-betul boleh berkhidmat dalam E.P.F. ini. Dengan demikian, tentulah dapat meletakkan kewangan ini disimpan supaya bertambah faedahnya. Kalau sekiranya dia menyimpan 20 tahun dengan 6.6% berbanding

dengan simpanan daripada bank bila sampai 10% apakah kiranya dicadangkan untuk dicari jalan supaya faedah ini ditambah sekurang-kurangnya mengatasi atau hampir hampir dengan bank. Saya tahu, setengah daripada faedah ini diambil oleh kerana . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 10hb Januari, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.